SITI NOOR AISHAH ATAM lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMADI ASNAWI HMR
KAMARDIN HASHIM HMR
AB KARIM AB JALIL HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: W-05(SH)-219-05-2017]
7 DISEMBER 2017

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 130JB(1)(a) – Kesalahan memiliki buku-buku yang berunsur perbuatan keganasan dan berkaitan dengan kumpulan pengganas – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Pembelaan – Sama ada buku-buku dimiliki untuk tujuan menyediakan tesis – Sama ada pertuduhan cacat – Sama ada kes prima facie berjaya dibuktikan – Sama ada kesalahan di bawah s. 130JB satu kesalahan liabiliti ketat – Sama ada pembelaan tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan – Sama ada hukuman yang dijatuhkan keterlaluan – Sama ada rayuan harus dibenarkan*

SP1 bersama-sama dengan pasukan polis telah ke rumah perayu. Setibanya di rumah perayu, SP1 menjalankan pemeriksaan di dalam bilik perayu dan merampas, antara lain, 12 buah buku yang dipercayai mempunyai unsur keganasan berkaitan dengan Kumpulan Pengganas Jemaah Islamiah, Al-Qaeda dan Islamic States. Perayu kemudiannya dipertuduhkan di bawah s. 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan ('KK'). Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah melepas dan membebaskan perayu daripada pertuduhan atas alasan bahawa kes pendakwaan gagal mencapai tahap pembuktian *prima facie*. Terkilan dengan keputusan itu, Pendakwa Raya merayu ke Mahkamah Rayuan. Rayuan Pendakwa Raya dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan dan perayu diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan yang dihadapkan. Dalam pembelaannya, perayu, menyatakan, antara lain, bahawa perayu memiliki 12 buah buku tersebut untuk tujuan yang sah iaitu untuk menyediakan tesis bagi Ijazah Sarjana yang diikuti semasa belajar di Universiti Malaya. Pendakwaan telah memanggil seorang saksi 'rebuttal' (PRW1) yang menerima satu laporan polis daripada ayah perayu ('pengadu') yang melaporkan bahawa perayu telah menganggotai kumpulan jihad 'Khalid Al-Walid' dan mahu pergi ke Syria untuk berjihad. Pengadu turut menyatakan bahawa perayu ingin melarikan diri ke Syria bersama temannya, serta mengancam pengadu dan isterinya jika hasrat perayu dihalang. Perayu disebaliknya menyatakan bahawa dia memang hendak pergi ke negara Syria tetapi bukan untuk berjihad tetapi untuk menyertai misi pengaman oleh NGO Malaysia, 'Life Line for Syria'. Setelah meneliti pembelaan perayu, hakim bicara mendapati bahawa pembelaan perayu tidak munasabah dan gagal untuk membangkitkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Hakim bicara juga membuat dapatan, antara lain, bahawa kesalahan di bawah s. 130JB KK merupakan satu kesalahan liabiliti ketat. Oleh itu, perayu didapati bersalah, disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhkan

A hukuman lima tahun penjara dari tarikh tangkap. Terkilan, perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman. Alasan-alasan rayuan perayu adalah bahawa (i) pertuduhan adalah cacat dan satu kes *prima facie* gagal dibuktikan; (ii) kesalahan di bawah s. 130JB KK bukanlah satu kesalahan liabiliti ketat kerana peruntukan tersebut tidak memperuntukkannya dengan nyata;
B (iii) perayu berjaya menimbulkan satu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dengan pembelaannya yang menyatakan bahawa milikan 12 buku tesebut adalah secara niat baik, iaitu untuk kegunaan tesisnya; dan (iv) pendakwaan hendaklah membuktikan niat jahat di pihak perayu dalam memiliki 12 buah buku tersebut dan tidak memadai hanya membuktikan
C pemilikan semata-mata.

Diputuskan (mengekalkan sabitan; membenarkan rayuan terhadap hukuman)

Oleh Kamardin Hashim HMR menyampaikan menghakiman mahkamah:

D **(1)** Setelah dihayati peruntukan s. 130JB KK, pemilikan apa-apa item (12 buah buku dalam kes ini) yang berunsur perbuatan keganasan atau berkaitan dengan kumpulan pengganas akan menjadi satu kesalahan tanpa perlu dibuktikan bahawa perayu mempunyai pengetahuan salah terhadap pemilikan 12 buah buku tersebut. Dalam hal perkara ini, perayu mempunyai beban untuk menidakkan pengetahuan salah di
E pihaknya atas imbangan kebarangkalian. (perenggan 28)

(2) Hal perkara yang terlibat dalam pertuduhan membawa implikasi kepada soal keselamatan negara dan ketenteraman awam. Hal perkara yang membabitkan soal keselamatan negara sentiasa diberikan keutamaan dan pertimbangan dalam menentukan sesuatu kesalahan yang dipertuduhkan
F itu diklasifikasikan sebagai liabiliti ketat. (perenggan 29)

(3) Kesalahan di bawah s. 130JB KK bukanlah merupakan satu kesalahan yang membawa maksud liabiliti mutlak. Kesalahan liabiliti mutlak membawa maksud bahawa perayu langsung tidak mempunyai sebarang pembelaan di bawah undang-undang. Kesalahan di bawah s. 130JB KK
G adalah dari kategori kesalahan liabiliti ketat dan perayu masih mempunyai pembelaan untuk menafikan sebarang pengetahuan salah. Dalam kes ini, pembelaan suci hati merupakan salah satu pembelaan am yang terdapat di bawah KK yang terbuka kepada perayu. (perenggan 31 & 38)

H

(4) Kesalahan di bawah s. 130JB KK merupakan satu kesalahan liabiliti ketat yang tidak mutlak. Perayu masih mempunyai ruang untuk 'exculpate' dirinya dengan menunjukkan ketidakbersalahannya. Beban untuk membuktikan bahawa perayu tidak mempunyai sebarang
I pengetahuan atau sebarang niat jahat terletak atas bahu perayu atas imbangan kebarangkalian. Peruntukan s. 130JB KK tidak semestinya mengandungi pengataan bahawa kesalahan itu merupakan kesalahan liabiliti ketat. Kriteria untuk menentukan kesalahan itu sebagai liabiliti

ketat hendaklah berpandukan pada tujuan dan matlamat yang ingin dicapai oleh peruntukan itu serta hal perkara yang terlibat dengan undang-undang yang digubal. (perenggan 33)

(5) Pembelaan 'good faith' hanya akan berjaya sekiranya perayu bertindak secara 'due care and attention'. Beban adalah atas perayu untuk membuktikan bahawa dia bertindak secara 'due care and attention' seperti yang diperuntukkan di bawah s. 52 KK dan beban pembuktian itu adalah atas imbangan kebarangkalian. (perenggan 36)

(6) Perayu dalam pembelaannya menyatakan bahawa dia tiada pengetahuan salah dalam pemilikan buku-buku tersebut dan buku-buku itu dimiliki bagi tujuan penyediaan tesis perayu. Walaupun begitu, perayu dalam keterangannya mengetahui bahawa buku-buku tersebut berkaitan dengan pengganas dan kumpulan pengganas. Oleh itu, hakim bicara tidak terkhilaf dalam membuat dapatan bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan buku-buku yang dipertuduhkan berkaitan dengan pergerakan pertubuhan pengganas. Justeru, pembelaan perayu bahawa dia tidak ada pengetahuan telah dipertimbangkan oleh hakim bicara dan ditolak. (perenggan 40)

(7) Hakim bicara telah mengambil kira dan menilai semua pembelaan yang dikemukakan oleh perayu. Oleh itu, dakwaan bahawa pembelaan perayu gagal dinilai secukupnya adalah tidak benar. Perayu telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah dan pembelaan perayu juga gagal menyangkal bahawa perayu memiliki 12 buah buku yang dipertuduhkan secara 'good faith' seperti dikehendaki di bawah s. 52 KK atas imbangan kebarangkalian. (perenggan 46)

(8) Tidak berlaku prejudis sehingga mengakibatkan wujud keadaan kegagalan keadilan terhadap perayu dalam kes ini berbangkit daripada pertuduhan yang dikemukakan oleh pendakwaan. Selain diwakili peguam bela yang berkelayakan dan berpengalaman lama, perayu juga dapat mengemukakan pembelaannya dengan berkesan. Perayu tahu mengenai pertuduhan yang dihadapi dan telah membangkitkan isu-isu relevan semasa perbicaraannya. Walau bagaimanapun, apa-apa kecacatan dalam pertuduhan tidak akan meruntuhkan kes pendakwaan dan kecacatan itu boleh ditampung di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah. Sabitan perayu disokong oleh keterangan yang kukuh dan mencukupi yang tidak memerlukan campur tangan mahkamah atasan. (perenggan 48, 49 & 56)

(9) Kesalahan yang dilakukan perayu adalah serius kerana item yang berkaitan dengan kumpulan pengganas dapat mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Walau bagaimanapun, hukuman lima tahun penjara yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah terlampau berlebihan. Seksyen 130JB KK memperuntukkan hukuman penjara maksima tujuh tahun dan item yang terlibat boleh dilucut hak. Oleh

A itu, hukuman lima tahun penjara yang dijatuhkan diketepikan dan digantikan dengan hukuman tiga tahun penjara dari tarikh ditangkap. (perenggan 64, 65 & 67)

English *Headnotes*

B SP1 together with a police force proceeded to the appellant's house. Upon arrival at the appellant's house, SP1 conducted a search in the appellant's room and seized, among others, 12 books believed to contain elements of terrorism and were linked to Jemaah Islamiah, Al-Qaeda and Islamic States. The appellant was later charged under s. 130JB(1)(a) of the Penal Code ('PC'). At the end of the prosecution's case, the trial judge discharged and C acquitted the appellant from the charge on the ground that the prosecution failed to prove a *prima facie* case. Aggrieved by the decision, the Public Prosecutor appealed to the Court of Appeal. The appeal of the Public Prosecutor was allowed by the Court of Appeal and the appellant was ordered to enter his defence on the charge. In defence, the appellant, among D others, stated that she was in possession of the said 12 books for a legitimate purpose *ie*, to prepare for a thesis for her Master's Degree while she was studying at University of Malaya. The prosecution called on a 'rebuttal' witness (PRW1) who received a police report from the appellant's father ('complainant') who reported that the appellant had been in the jihad group E 'Khalid Al-Walid' and wanted to go to Syria for jihad. The complainant also stated that the appellant wanted to flee to Syria with her friend, and threatened to harm the complainant and his wife if the wishes of the appellant were prevented. The appellant on the other hand, stated that she was about to go to Syria but, not for the reason of jihad but to join the peace mission F of the Malaysian NGO, 'Life Line for Syria'. Having examined the defence of the appellant, the trial judge found that the defence of the appellant was unreasonable and failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case. The judge found, *inter alia*, that the offence under s. 130JB of the PC is a strict liability offence. Thus, the appellant was found guilty, convicted on the charge and sentenced to five years' imprisonment from the date of G arrest. Aggrieved, the appellant appealed against the conviction and sentence. The grounds of appeal of the appellant were that (i) the charge was defective and no *prima facie* case had been proven; (ii) an offence under s. 130JB is not a strict liability offence as the provision does not provide for it expressly; (iii) the appellant succeeded in raising a reasonable doubt against the H prosecution's case with her defence stating that the possession of the 12 books was in good faith *ie*, for the use of her thesis; and (iv) the prosecution had to prove malice on the part of the appellant in owning the 12 books and it was insufficient to only prove ownership.

I **Held (affirming conviction; allowing appeal against sentence)**
Per Kamardin Hashim JCA delivering the judgment of the court:

(1) After perusing the provision of s. 130JB of the PC, the possession of any item (12 books in this case) which contains acts of terrorism or related to a terrorist groups would be an offence without the need to be proved

that the appellant had wrongful knowledge of the possession of the 12 books. In this case, the appellant had the burden to negate wrongful knowledge on her part on the balance of probabilities.

(2) The subject matter in the charge brought implications to national security and public order. Subject matters that concern national security are always given priority and consideration in determining whether any alleged offence charged is classified as strict liability.

(3) An offence under s. 130JB of the PC is not an absolute liability offence. Absolute liability offence means that the appellant does not have any defence under the law. An offence under s. 130JB of the PC is categorised as strict liability offence and the appellant could defend by denying any wrongful knowledge. In this case, the defence of good faith was one of the general defences found under the PC which was open to the appellant.

(4) An offence under s. 130JB of the PC is a strict liability offence which is not absolute. The appellant still has room to 'exculpate' herself by showing her innocence. The burden of proving that the appellant did not have any knowledge or any malice lies on the appellant on the balance of probabilities. The provision of s. 130JB of the PC did not necessarily contain a statement that an offence is a strict liability offence. The criteria to determine an offence as a strict liability should be guided by the purpose which is aimed by the provision as well as the subject matter involved with the law enacted.

(5) The 'good faith' defence will only succeed if the appellant had acted with 'due care and attention'. The burden was upon the appellant to prove that she acted with due care and attention as provided under s. 52 of the PC and the burden of proof was on the balance of probabilities.

(6) The appellant in her defence stated that she had no wrongful knowledge of the possession of the books and the books were owned for the purpose of preparing for the appellant's thesis. Nevertheless, the appellant, in her evidence, knew that the books related to terrorists and terrorist groups. Therefore, the trial judge was not in error in finding that the appellant had knowledge of the contents of the alleged books in connection with the movement of terrorist organisations. Hence, the defence of the appellant that she had no knowledge had been considered by the judge and rejected.

(7) The trial judge had taken into account and evaluated all the defences of the appellant. Hence, the allegations that the appellant's defence was not adequately assessed was incorrect. The appellant had failed to cast any reasonable doubt and the defence of the appellant also failed to prove that the appellant had the 12 books in 'good faith' as required under s. 52 of the PC on the balance of probabilities.

(8) There was no prejudice which led to the failure of justice against the appellant in this case arising from the charge presented by the prosecution. Apart from being represented by a qualified and experienced lawyer, the appellant was also able to present her defence effectively. The appellant knew about the charge faced and had raised relevant issues during her trial. However, any defect in the charge would not undermine the prosecution's case and the defect was curable under s. 422 of the Criminal Procedure Code. The conviction of the appellant was supported by strong and sufficient evidence which did not warrant appellate intervention.

(9) The offence committed by the appellant was serious since the items were related to terrorist groups which could threaten national security and public order. However, the five-year imprisonment imposed by the judge was excessive. Section 130JB of the PC provides for maximum imprisonment of seven years and the affected items may be forfeited. Thus, the sentence of five years' imprisonment was set aside and replaced with a three-year imprisonment from the date of arrest.

Kes-kes yang dirujuk:

Aisyah Mohd Rose & Anor v. PP [2016] 1 CLJ 529 CA ***(dirujuk)***
Chin Aik v. Regina [1962] 1 LNS 86 PC ***(dirujuk)***
Gammon (Hong Kong) Ltd and Others v. Attorney General of Hong Kong [1984] 2 All ER 503 ***(dirujuk)***
K S Roberts v. PP [1970] 1 LNS 44 HC ***(dirujuk)***
Kwok Pin Hwee lwn. PP [2017] 1 LNS 533 CA ***(dirujuk)***
Lim Baba v. PP [1962] 1 LNS 84 HC ***(dirujuk)***
Mohamed Ibrahim v. PP [1962] 1 LNS 100 HC ***(dirujuk)***
Patrick Chau Fook Henn v. PP [2014] 8 CLJ 14 CA ***(dirujuk)***
PP v. Ali Umar & Ors [1981] 1 LNS 115 ***(dirujuk)***
PP lwn. Anuar Ab Rawi [2016] 1 LNS 946 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Azizi Abdullah [2017] 1 LNS 562 HC ***(dirujuk)***
PP v. Chia Leong Foo [2000] 4 CLJ 649 HC ***(dirujuk)***
PP v. Hassan Hj Ali Basri [2014] 2 CLJ 72 HC ***(dirujuk)***
PP v. Ishak Hj Shaari & Other Appeals [2003] 3 CLJ 843 CA ***(dirujuk)***
PP lwn. Jusninawati Abdul Gani [2016] 1 LNS 1657 HC ***(dirujuk)***
PP v. Khairuddin Abu Hassan & Anor [2017] 4 CLJ 701 CA ***(dirujuk)***
PP v. Koo Cheh Yew & Anor [1980] 1 LNS 61 FC ***(dirujuk)***
PP lwn. Mohd Haniffa Syedul Abbar [2016] 1 LNS 1654 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Mohd Syafrein Rasid [2015] 1 LNS 943 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Muhammad Hakimin Azman [2017] 1 LNS 1017 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Muhammad Sani Mahdi Sahar [2016] 1 LNS 1150 CA ***(dirujuk)***
PP lwn. Murad Halimuddin Hassan & Yang Lain Dan Satu Lagi Kes [2016] 1 LNS 554 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Ummi Kalsom Bahak [2015] 7 CLJ 503 HC ***(dirujuk)***
PP v. Yazid Sufaat & Ors [2014] 2 CLJ 670 CA ***(dirujuk)***
R v. City Sault Ste Maria [1978] 2 SCR 1299 ***(dirujuk)***
Razali Samani v. PP [2010] 9 CLJ 714 CA ***(dirujuk)***
Regina v. G [2010] 1 AC 43 ***(dirujuk)***
Regina v. Zafar [2008] QB 810 ***(dirujuk)***

Rikky Purba v. PP [2014] 3 CLJ 607 CA ***(dirujuk)***
Sharma Kumari Oam Prakash v. PP [2000] 6 MLJ 282 ***(dirujuk)***
Sweet v. Parsley [1969] 1 All ER 347 ***(dirujuk)***
Tan Khee Wan Iris v. PP [1995] 2 SLR 63 ***(dirujuk)***
Zulkifli Ahmad Endin Chun lwn. PP [2012] 1 LNS 435 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing And Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, ss. 66B, 66D
Criminal Procedure Code, ss. 156, 422
Evidence Act 1950, ss. 105, 146
Federal Constitution, art. 149
Penal Code, ss. 52, 130C, 130G(a), 130J(1)(a), 130JB(1)(a), 130M, 130Q, 292(a), 511
Security Offences (Special Measures) Act 2012, ss. 2, 3, 12, 17, 20, First Schedule

Terrorism Act 2000 [UK], ss. 57(1), (2), 58(1)(b), (3)

Bagi pihak perayu - Haniff Khatri Abdulla, Mohd Kamaruzaman A Wahab, Mohd Zubir Embong, Ahmad Amzar Ahmad Azlan & Ilyani Khuszairy; T/n 'Aziz & Co
Bagi pihak responden - Faizah Mohd Salleh; TPR

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP lwn. Siti Noor Aishah Atam (No 2) [2017] 1 LNS 684 (diubah).]

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim HMR:

Pendahuluan

[1] Perayu telah dihadapkan dengan satu pertuduhan pindaan di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur ('hakim bicara yang bijaksana') bagi kesalahan memiliki 12 buah buku yang merupakan item yang berunsurkan perbuatan keganasan dan berkaitan dengan kumpulan pengganas yang merupakan suatu kesalahan di bawah s. 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan ('KK').

[2] Butir-butir pertuduhan pindaan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 22 Mac 2016 jam lebih kurang 12.25 tengahari di sebuah rumah di alamat 1241, Jalan Lapangan Terbang Sura, dalam Daerah Dungun, dalam Negeri Terengganu, telah memiliki 12 buah buku yang merupakan item yang berunsur perbuatan keganasan dan berkaitan dengan Kumpulan Pengganas iaitu Kumpulan Pengganas Jemaah Islamiah (JI), Islamic State (IS) dan Al Qaeda (AQ) sepertimana di Lampiran A dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

A Lampiran A

No	Tajuk	Penulis	Penterjemah	Penerbit	Kumpulan Pengganas
1.	Visi Politik Gerakan Jihad	Hazim Al-Madani Abu Mush'ab As-Suri	Luqman Hakim	Jazera	JI dan AQ
2.	Generasi Kedua Al-Qaidah: Apa dan siapa Zarqawi Apa Rencana Mereka ke Depan	Fuad Hussein	Ahmad Syakrikin	Jazera	JI, AQ dan IS
3.	Akankah Sejarah Terulang?	Dr. Muhammad Al-Abdah	Abas Mansur Tamam	Jazera	JI dan AQ
4.	Deklarasi Daulah Islam Irak	Dewan Syariah Daulah Islam Iraq	Abu Hafsh As-Sayyar Abu Musa Ath-Thayyar	Islamika	JI, AQ dan IS
5.	Merentas Jalan Jihad Fie Sabilillah	Syaikh Abdul Qadir Abdul Aziz	Hassan As-Sayyari	Pustaka Al Alaq	JI dan AQ
6.	Misteri Pasukan Panji Hitam	Muhammad Abu Fatihah Al-Adani	H.Muhammad Harun Zein	Jasmin Publications	JI dan AQ
7.	Turki Negara Dua Wajah	Abdullah Azzam	Abdurrahman	Al Alaq	JI dan AQ
8.	Masterplan 2020: Strategi Al Qaidah Menjebak Amerika	Fahmi Suwaidi	-	Jazera	JI dan AQ
9.	Dari Usamah kepada Para Aktivis	Syaikh Usamah Bin Ladin Syaikh Yusuf Al-Uyairi	Umar Burhanuddin Abu Hafs As Sayyar Syahida Man	Kafayeh	JI dan AQ
10.	Dari Rahim Ikhwanul Muslimin ke Pangkuan Al Qaida	Ayman Az Zawahiri	Umar Burhanuddin	Kafayeh	JI dan AQ
11.	Ketika Maslahat di Pertuhankan dan Menjadi Thaghut Model Baru	Abu Muhammad Ashim Al Maqdisiy	Abu Sulaiman Aman Abdurrahman	-	IS
12.	Seri Materi Tauhid for the Greatest Happiness	-	Abu Sulaiman Aman Abdurrahman	-	IS

[3] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara yang bijaksana telah melepas dan membebaskan perayu daripada pertuduhan atas alasan kes pendakwaan telah gagal mencapai tahap pembuktian kes *prima facie*. Terkilan dengan keputusan itu, Pendakwa Raya telah merayu ke mahkamah ini. Mahkamah Rayuan (YA Datuk Wira Mohtarudin Baki, YA Dato' Setia Hj Mohd

Zawawi Salleh dan YA Dato' Seri Zakaria Sam) telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan perayu telah diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan yang dikenakan ke atasnya.

[4] Setelah mendengar kes pembelaan, hakim bicara yang bijaksana telah mensabitkan perayu atas pertuduhan dan telah menjatuhkan hukuman lima tahun penjara ke atas perayu berkuat kuasa mulai dari tarikh ditangkap (22 Mac 2016). Terkilan dengan sabitan dan hukuman tersebut, perayu telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

[5] Kami telah mendengar rayuan perayu pada 7 November 2017 dan kami telah menangguhkan keputusan kami (CAV). Kami sekarang menyampaikan keputusan sebulat suara kami dan keputusan kami itu adalah seperti yang berikut.

Kes Pendakwaan

[6] Fakta kes pendakwaan secara ringkasnya adalah seperti berikut. Pada 26 Februari 2016, jam lebih kurang 10 pagi, ASP Nazlee bin Bahari (SP3) yang bertugas sebagai Pegawai Operasi di Cawangan Khas D8, Counter Terrorism, Bukit Aman telah menerima arahan daripada Pegawai Turus D8, Supt Mohd Rabi bin Abu Bakar untuk membuat satu laporan polis terhadap perayu kerana disyaki terlibat dengan kes keselamatan. Pada hari yang sama jam lebih kurang 18.21 petang, SP3 telah membuat satu laporan polis melalui THSL/5991/16 di Balai Polis Tun HS Lee, Kuala Lumpur (P4).

[7] Berikutan daripada laporan polis P4 tersebut, Inspektor Shafinah binti Abdul Halim (SP1) telah diarahkan oleh Supt Mohd Rabi bin Abu Bakar untuk membuat tangkapan terhadap perayu. Bertindak atas arahan tersebut, pada 22 Mac 2016, SP1 bersama-sama dengan satu pasukan polis yang turut disertai bersama Inspektor Noraida binti Huzir Ibrahim, L/Kpl Amir Azimi bin Abdullah dan L/Kpl Syed Mohd Nabil bin Syed Sabri (SP4) telah pergi ke rumah perayu di alamat Lot No. 1241, Jalan Lapangan Terbang, Sura, Dungun, Terengganu ('rumah tersebut') untuk melaksanakan tangkapan terhadap perayu.

[8] SP1 dan pasukannya telah sampai di rumah tersebut pada jam 12.20 tengah hari pada hari yang sama. SP1 mendapati pintu rumah tersebut dalam keadaan bertutup dan setelah diketuk, pintu telah dibuka oleh ibu perayu, Sadiah binti Ibrahim (SP5). Apabila disoal, SP5 memberitahu bahawa perayu ketika itu berada di dalam biliknya yang pintunya hanya ditutup dengan kain langsir. SP1 menjalankan pemeriksaan di dalam bilik itu dan merampas antara lain, 12 buah buku yang tersenarai dalam lampiran 'A' pada pertuduhan. Selain itu, SP1 turut merampas beberapa item lain termasuklah satu telefon bimbit jenama Asus Zenfone 5 bersama sim card, xpax prepaid dengan satu micro (P9); satu laptop jenama Acer Aspire 4740 Series (P10); satu broadband Celcom dengan sim card (P28); satu dompet jenama Polo (P29) berisi kad pengenalan, lesen memandu dan tiga kad bank

(P29 A-E); satu bekas plastik bersama satu hard disc (P30 dan P30A); satu buah buku nota bertulisan tangan (P39) serta beberapa lagi buah buku dan majalah yang tiada kaitan dengan pertuduhan.

[9] Sepanjang pemeriksaan dan rampasan barang-barang kes dilakukan oleh SP1, sebanyak 84 keping gambar telah dirakamkan oleh SP4 (P6 (1-84)). SP1 telah menyediakan borang senarai geledah (P5) yang turut ditandatangani oleh perayu. Perayu telah ditangkap dan SP1 telah memaklumkan tangkapan kepada pegawai penyiasat, Inspektor Oi Tiat Siong (SP6). SP6 telah hadir di tempat kejadian dan telah melukis satu rajah kasar dan kunci (P7) setelah mendapat taklimat ringkas mengenai tangkapan dan rampasan barang-barang kes daripada SP1. Perayu dan barang-barang kes kemudian telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun. Di situ, SP1 telah membuat satu laporan polis melalui Dungun Report No: 1693/16 (P8). Perayu kemudiannya telah dibawa balik ke Bukit Aman dan telah diserah bersama-sama barang-barang kes kepada SP6. Satu borang serah terima barang kes (P40) telah disediakan dan ditandatangani antara SP1 dengan SP6.

[10] SP6 telah membuat penelitian terhadap isi kandungan buku-buku yang dirampas dan mendapati 12 buah buku yang dirampas disyaki mempunyai kaitan dengan pengganas. Untuk kepastian, SP6 telah merujuk 12 buah buku tersebut kepada Prof Dr Rohan Kumar Gunaratna (SP9) dari Universiti Teknologi Singapura. SP9 setelah meneliti kandungan 12 buah buku tersebut dan telah menyediakan satu laporan seperti di eks. P45A dan P45B (dua salinan). SP6 turut merujuk buku-buku berkenaan kepada Dr Wan Adli bin Wan Ramli (SP2) dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan juga kepada Ustaz Dr Hj Zamihan bin Hj Mat Zin Al-Ghari (SP10) dari Jabatan Penjara Malaysia untuk mendapatkan pandangan mengenai isi kandungan buku-buku tersebut. SP2 telah mengemukakan laporannya seperti di eks. P42. Manakala laporan oleh SP10 dikemukakan di eks. P52. Secara ringkasnya P45A & B, P42 dan P52 mengesahkan bahawa kandungan 12 buah buku yang disebutkan dalam lampiran A pada pertuduhan mempunyai unsur keganasan dan ada kaitan dengan Kumpulan Pengganas Jemaah Islamiah, Al-Qaeda dan Islamic State yang telah diwartakan sebagai kumpulan pengganas.

[11] Seperti disebutkan di awal penghakiman kami, di akhir kes pendakwaan, hakim bicara yang bijaksana telah membebaskan perayu daripada pertuduhan atas alasan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap perayu. Rayuan Pendakwa Raya telah dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan dan perayu telah diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan yang dihadapkan.

Pembelaan Perayu

[12] Perayu telah memilih untuk memberikan keterangan membela diri secara bersumpah dari kotak saksi. Hanya perayu seorang memberikan keterangan sebagai saksi pihak pembelaan. Keterangan membela diri perayu dapat dilihat di ms. 117 hingga 143 rekod rayuan jilid 2a.

[13] Keterangan pembelaan perayu dapat diringkaskan seperti berikut: A

(a) Perayu mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Usuluddin dengan kepujian daripada Kolej Universiti Insaniah, Alor Setar, Kedah dalam tahun 2012. Dia kemudian menyambung pengajian Ijazah Sarjana dalam bidang Akidah dan Pemikiran Islam di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sehingga selesai semester 2. Dia kemudian telah mendaftarkan diri dan mendaftar tajuk tesis serta mendapatkan penyelia dan membuat proposal. Dia telah memilih tajuk disertasi (tesis) yang bertajuk "Implikasi Tauhid dalam Pentadbiran Negara" di bawah seliaan penyelia Dr Mahmud bin Ahmad, Pensyarah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam; B C

(b) Bagi tujuan penyediaan disertasi, dia telah membeli buku-buku yang berkaitan dengan tajuk disertasi yang dipilih serta membuat salinan fotostat buku-buku termasuk buku-buku yang ditulis oleh Dr Mahmud bin Ahmad. Antara buku-buku yang dibeli dan dibuat salinan fotostat termasuklah 12 buah buku di dalam lampiran A pada pertuduhan. Perayu bagaimanapun bersetuju bahawa pencalonannya untuk Ijazah Sarjana telah luput seperti dinyatakan dalam surat-surat dari Universiti Malaya bertarikh 23 Januari 2014 seperti di eks. P48 dan P49; D

(c) Perayu memberitahu mahkamah bahawa dia telah terlupa untuk mendaftarkan diri semula untuk menyambung pencalonannya. Dia percaya bahawa dia masih boleh membuat rayuan untuk meneruskan pengajiannya. Perayu turut menyatakan bahawa dia menghadapi masalah kewangan kerana gagal untuk mendapatkan tajaan daripada pihak Kerajaan. Oleh itu dia telah membuat kerja sambilan sebagai guru agama di sebuah sekolah swasta. Dia telah bekerja sebagai guru sambilan selama lapan bulan sebelum berhenti dan pulang ke kampung; E F

(d) Perayu mengakui dia mengenali Dr Mahmud bin Ahmad tetapi dia terkejut apabila mengetahui pensyarah itu dikehendaki oleh pihak polis. Perayu kerap mengadakan perbincangan dengan Dr Mahmud bin Ahmad dan berharap pensyarah itu menjadi penyelianya. Dia tidak mengetahui tentang penglibatan Dr Mahmud bin Ahmad dengan kegiatan kumpulan pengganas; G

(e) Perayu menyatakan 12 buah buku dalam lampiran A pada pertuduhan sebahagiannya dibeli dan sebahagian lagi dibuat salinan fotostat daripada buku-buku milik Dr Mahmud bin Ahmad. Dia berpendapat semua buku itu relevan untuk tesisnya dan ada buku-buku itu yang belum sempat dibaca. Namun perayu tidak menafikan semua 12 buah buku itu miliknya. H I

(f) Perayu mengetahui bahawa Dr Mahmud bin Ahmad telah melarikan diri ke Filipina sebelum dia ditahan oleh pihak polis. Perayu bersetuju bahawa buku-buku tersebut ada berkaitan dengan pengganas dan jihad yang tidak selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah;

A (g) Perayu mengakui bahawa pada Januari 2014 dia memang hendak pergi ke negara Syria tetapi bukan untuk berjihad tetapi untuk menyertai misi pengaman oleh NGO Malaysia, Life Line for Syria;

(h) Perayu mengakui bahawa kawannya Muammar Gaddafi pernah mengajaknya untuk melarikan diri ke Thailand sebelum ke Syria. Dia
B tahu kawannya itu telah ditangkap oleh pihak polis.

[14] Pihak pendakwaan telah memanggil seorang saksi 'rebuttal' iaitu Kpl Zamri bin Buang (PRW1). Saksi ini menyatakan pada 18 Februari 2014 jam lebih kurang 10 malam dia telah menerima satu laporan polis daripada
C seorang yang bernama Atam bin Jusoh, KPT: 560214-11-5061 dari alamat Lot 1241, Jalan Lapangan Terbang, Kpg Sura, 23000 Dungun, Terengganu, pesara PERKESO. Pengadu telah melaporkan mengenai anaknya, perayu yang telah menganggotai Kumpulan Jihad 'Khalid Al-Walid' dan mahu pergi ke Syria untuk berjihad. Pengadu turut menyatakan bahawa perayu ingin melarikan diri ke Thailand dan ke Syria bersama temannya, Muammar
D Gaddafi serta mengancam pengadu dan isterinya jika hasrat perayu dihalang. Saksi telah mengemukakan laporan polis pengadu tersebut sebagaimana Dungun Report No. 1492/14 (P54).

[15] Setelah meneliti keterangan membela diri perayu, hakim bicara yang
E bijaksana telah mendapati bahawa pembelaan perayu tidak munasabah dan gagal untuk membangkitkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan. Setelah mendengar pihak-pihak mengenai hukuman, hakim bicara yang bijaksana telah menjatuhkan hukuman lima tahun penjara ke atas
F perayu berkuat kuasa sejak perayu ditangkap ie, 22 Mac 2016.

[16] Terkilan dengan keputusan hakim bicara yang bijaksana tersebut, perayu telah memfailkan notis rayuan ke mahkamah ini terhadap sabitan dan juga hukuman.

Rayuan Perayu

G **[17]** Peguam bela terpelajar telah membangkitkan empat alasan berikut dalam hujahannya di hadapan kami untuk kami membenarkan rayuan perayu:

(a) Kes *prima facie* telah gagal dibuktikan;

H (b) sama ada kesalahan yang dipertuduhkan merupakan satu kesalahan liabiliti ketat (strict liability);

(c) sama ada pembelaan perayu telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap tujuan pemilikan 12 buah buku yang dipertuduhkan; dan
I

(d) sama ada kesalahan dilakukan berdasarkan pemilikan semata-mata (possession *per se*) atau perlu dibuktikan niat jahat terhadap pemilikan tersebut (*mens rea* possession).

[18] Berkaitan dengan isu rayuan di (a), peguam bela menghujahkan bahawa walaupun s. 130JB KK memperuntukkan kesalahan dilakukan sekiranya seseorang itu mempunyai milikan, kawalan atau jagaan terhadap apa-apa item yang boleh dikaitkan dengan mana-mana kumpulan pengganas atau mana-mana perbuatan keganasan, pihak pendakwaan telah mengemukakan pertuduhan terhadap perayu melibatkan kedua-dua elemen tersebut iaitu kumpulan pengganas dan perbuatan keganasan. Dihujahkan bahawa kedua-dua elemen itu hendaklah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Namun, dihujahkan pendakwaan telah gagal membuktikan elemen perbuatan keganasan tersebut. Oleh itu, kes *prima facie* telah gagal untuk dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[19] Berkaitan dengan alasan di (b), peguam bela menghujahkan kesalahan di bawah s. 130JB bukanlah satu kesalahan liabiliti ketat (strict liability) kerana peruntukan tersebut tidak memperuntukkannya dengan nyata. Peguam bela bergantung pada Hansard dan beberapa kes yang telah diputuskan di England di bawah Terrorism Act 2000 yang menunjukkan 'reasonable excuses' boleh dijadikan sebagai satu pembelaan. Oleh itu dihujahkan bahawa kesalahan di bawah s. 130JB bukanlah satu kesalahan liabiliti ketat.

[20] Mengenai alasan rayuan ketiga di (c), peguam bela menghujahkan bahawa perayu telah menjelaskan semasa memberikan keterangan membela diri bahawa perayu telah memiliki 12 buah buku tersebut untuk tujuan yang sah iaitu untuk menyediakan tesis bagi Ijazah Sarjana yang dia sedang atau pernah ikuti semasa belajar di Universiti Malaya. Oleh itu, dihujahkan perayu telah berjaya menimbulkan satu keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan patut dibebaskan daripada pertuduhan.

[21] Mengenai alasan rayuan di (d), peguam bela berhujah pihak pendakwaan hendaklah membuktikan niat jahat di pihak perayu dalam memiliki 12 buah buku tersebut (*mens rea* possession) dan tidak memadai hanya membuktikan pemilikan semata-mata (possession *per se*).

Dapatan Kami

[22] Untuk kemudahan, kami perturunkan peruntukan di bawah s. 130JB KK yang memperuntukkan seperti berikut:

> 130JB. (1) Whoever,
>
> (a) Has possession, custody and control; or
>
> (b) Provides, displays, distributes, or sells,
>
> any item associated with any terrorist group or the commission of a terrorist act shall be punished with imprisonment for a term not exceeding 7 years, or with fine, and shall also be liable to forfeiture of any such item.

A (2) In this section:

"Item" includes publication, visual recordings, flags, banners, emblems, insignia and any other thing displaying symbols associated with a terrorist group, terrorist act or ideology of a terrorist group;

B "Publication" includes all written, pictorial or printed, or everything as a nature similar to written or printed matter, whether or not containing any visible representation, or by its form, shape or in any other manner capable or suggesting words or ideas, or an audio recording and every copy, translation and reproduction in part or in whole thereof.

C

[23] Tidak dipertikaikan bahawa kesalahan di bawah s. 130JB KK merupakan satu kesalahan yang melibatkan keselamatan. Kesemua kesalahan yang melibatkan keselamatan seperti terdapat di bawah Bab VI, Bab VIA, Bab VIB serta beberapa kesalahan di bawah Anti-Trafficking in Persons and
D Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 dan kesalahan di bawah Special Measures Against Terrorism in Foreign Countries Act 2015 merupakan jenis-jenis kesalahan yang wajib dibicarakan di bawah Security Offences (Special Measures) Act 2012 ("SOSMA"). Ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Pertama di bawah s. 3 SOSMA. Kesalahan di
E bawah s. 130JB berada di bawah Bab VIA Kanun Keseksaan. Oleh itu, perbicaraan bagi kesalahan di bawah s. 130JB hendaklah mengikut peruntukan di bawah SOSMA. Seksyen 2 SOSMA memperuntukkan:

2. This Act shall apply to security offences,

dan melalui s. 12, semua kes keselamatan hendaklah dibicarakan di
F Mahkamah Tinggi.

[24] SOSMA telah digubal melalui per. 149 Perlembagaan Persekutuan dan merupakan undang-undang yang telah digubal khas untuk membuat peruntukan khusus bagi perbicaraan kes-kes berkaitan dengan keselamatan untuk mengawal keselamatan dan ketenteraman awam. Oleh yang demikian,
G peruntukan-peruntukan yang terdapat di bawah SOSMA terpakai sekali pun peruntukan itu bertentangan dengan beberapa peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan itu sendiri serta bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang lain.

H **[25]** Skop dan pemakaian SOSMA telah dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam dua kes sebelum ini, iaitu, *PP v. Yazid Sufaat & Ors* [2014] 2 CLJ 670 dan *PP v. Khairuddin Abu Hassan & Anor* [2017] 4 CLJ 701. Dalam kes *Khairuddin Abu Hassan & Anor*, *supra*, Tengku Maimun Tuan Mat HMR menyatakannya seperti berikut:

I [29] In this regard, s. 17A of the Interpretation Acts 1948 and 1967 enjoins a court to interpret a provision of an Act that would promote the purpose or object underlying the Act. It reads:

> In the interpretation of a provision of an Act, construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.

[30] In *Palm Oil Research and Development Board Malaysia & Anor (supra)*, Haidar CJ (Malaya) said at pp. 272-273 (CLJ); p. 105 (MLJ):

> [2] I would, in addition, like to expressly state that I agree with the reason advanced by my learned brother, Chief Judge (Sabah & Sarawak) in answering the questions posed for our consideration. It is clear beyond doubt that in view of s. 17A of the Interpretation Acts 1948 and 1967 there is now a statutory recognition for the courts to take purposive approach in the interpretation of statutes including taxing statutes.
>
> [3] In England, though there is no equivalent provision of our s. 17A there, the House of Lords in dealing with a taxing statute in *Pepper (Inspector of Taxes) v. Hart* [1993] AC 593 (by majority) took a purposive approach. This is what Lord Griffiths said at p. 617:
>
> > The ever increasing volume of legislation must inevitably result in ambiguities of statutory language which are not perceived at the time the legislation is enacted. The object of the court in interpreting legislation is to give effect so far as the language permits to the intention of the Legislature. If the language proves to be ambiguous I can see no sound reason not to consult Hansard to see if there is a clear statement of the meaning that the words were intended to carry. The days have long passed when the courts adopted a strict constructionist view of interpretation which required them to adopt the literal meaning of the language. The courts now adopt a purposive approach which seeks to give effect to the true purpose of the legislation and are prepared to look at much extraneous material that bears upon the background against which the legislation was enacted.

[31] In a more recent case of *PP v. Yuneswaran Ramaraj* [2015] 9 CLJ 873; [2015] 6 AMR 271, Raus Sharif PCA said at p. 280:

> [23] The reasons for the enactment of the statute are the safest guide to the interpretation. It would be essential for the court to examine the reasons of enactment of a particular provision in order to find out its ultimate impact *vis-a-vis* the constitutional provisions. In the Indian Supreme Court case of *Utkal Contractors and Joinery P Ltd & Ors v. State of Orissa & Ors* [1987] 3 SCC 279, it was profoundly put as follows:
>
> > A statute is best understood if we know the reason for it. The reason for the statute is the safest guide to the interpretation. The words of the statute take their colour from the reason for it. How do we discover the reason for a statute? There are external and internal aids. The external aids are statements or

A objects and reasons when the Bill is presented to Parliament, the report of committees which preceded the Bill and the reports of Parliamentary Committees. Occasional excursions into the debates of Parliament are permitted. Internal aids are the preamble, the scheme and the provisions of the Act. Having discovered the reason for the statute and so having set sail to
B the wind, the interpreter may proceed ahead. No provision in the statute and no words of the statute may be construed in isolation. Every provision and every word must be looked at generally before any provision or words is attempted to be construed. The setting and the pattern are important. It is again important to remember that Parliament does not waste its
C breath unnecessarily. Just as Parliament is not expected to use unnecessary expressions, Parliament is also not expected to express itself unnecessarily. Even as Parliament does not use any word without meaning something, Parliament does not legislate where no legislation is called for.

D [32] The intention of Parliament as to the purpose and object of SOSMA can be seen from the following speech of the Minister in the Prime Minister's Department during the second and third reading of SOSMA Bill 2012:

E Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, merupakan undang-undang yang menentang keganasan. … bertujuan untuk melindungi Malaysia daripada terdedah kepada ancaman pengganas. Kita tidak mampu dengan izin, we cannot afford untuk menunggu sehingga suatu perkara berlaku kepada negara kita. Sebagai contoh, takkan hendak tunggu Menara Berkembar
F Petronas diletupkan kemudian keesokan harinya kita panggil Parlimen barulah Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) ini digubal.

Kita harus belajar daripada pengalaman Amerika Syarikat kerana mereka hanya menggubal undang-undang yang tegas selepas
G tragedi 11 September 2001. Kira-kira 11 tahun dahululah. Malaysia tidak harus berlengah dan membiarkan terdapat kelompangan dalam undang-undang kita ke arah menentang keganasan. …

Kumpulan-kumpulan keganasan yang dimaksudkan ialah kumpulan-kumpulan militan atau individu yang bertindak secara sewenang-wenangnya, mendatangkan ancaman terhadap nyawa
H dan harta benda kepada mana-mana individu atau lokasi sasarannya. Kumpulan-kumpulan keganasan yang dimaksudkan ialah kumpulan-kumpulan yang mempunyai objektif dan agendanya sendiri mendatangkan ancaman keselamatan tidak kira apa asas perjuangannya. Sebagai contoh Jemaah Islamiah dan
I al-Qaeda yang telah jelas mendatangkan ancaman terhadap keselamatan dunia.

…

> Kerajaan menggunakan kuasa yang diberikan di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan untuk menggubalnya. Tentu sahaja mukadimahnya akan menyerupai ISA kerana setiap Akta yang digubal di bawah Perkara 149 hendaklah diperincikan tindakan yang telah diambil itu. Akta ini adalah untuk membendung keganasan dan memerlukan kuasa Perkara 149.

[33] From the statements by the Minister, it is crystal clear that the purpose and objective of SOSMA is to combat terrorism.

[34] We next made reference to the internal aid namely the preamble, the scheme and the provisions of SOSMA. The preamble of SOSMA as set out above shows that SOSMA was enacted to deal with four out of the six categories of action under Article 149(1). The scheme and the provisions of SOSMA were designed to limit the fundamental liberties under Articles 5, 9, 10, and 13 of the Federal Constitution and to depart from the procedures laid down under the Criminal Procedure Code, the law which governs the conduct of criminal cases. Although SOSMA merely regulates the trial of the offences and does not create the said offences (see *PP v. Yazid bin Sufaat & Ors* [2015] 1 MLJ 571), undoubtedly a person charged and tried under SOSMA will lose his liberty as he will be denied bail.

[26] Berlandaskan latar belakang ringkas mengenai SOSMA yang kami sebutkan di atas, kami terlebih dahulu akan menyentuh alasan kedua dan keempat rayuan perayu iaitu sama ada kesalahan yang dipertuduhkan di bawah s. 130JB KK merupakan satu kesalahan liabiliti ketat sebagaimana yang telah diputuskan oleh hakim bicara yang bijaksana dan tidak memerlukan pembuktian elemen niat atau pengetahuan. Seperti kami sebutkan di awal penghakiman, pendirian peguam bela perayu adalah bahawa kesalahan yang dipertuduhkan bukanlah satu kesalahan liabiliti ketat atas alasan peruntukan bagi kesalahan itu tidak menyatakan sedemikian dan merujuk kepada Hansard, Menteri turut menyatakan di Parlimen bahawa kesalahan di bawah SOSMA bukanlah kesalahan liabiliti ketat dan Menteri akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenainya dengan peguam negara. Peguam bela juga berhujah bahawa adalah sesuatu yang tidak logik (absurd) sekiranya setiap orang yang memegang buku itu akan dianggap telah melakukan kesalahan tanpa mengirakan tujuan dan niat orang itu. Oleh itu dihujahkan elemen niat adalah relevan dan perlulah dibuktikan terhadap perayu. Pihak pendakwaan menghujahkan sebaliknya bahawa kesalahan di bawah s. 130JB adalah satu kesalahan liabiliti ketat yang tidak perlu dibuktikan niat atau pengetahuan perayu.

[27] Dalam penghakimannya, hakim bicara yang bijaksana membuat dapatan bahawa kesalahan di bawah s. 130JB KK merupakan satu kesalahan liabiliti ketat. Hakim bicara yang bijaksana telah merujuk kepada beberapa nas luar dan dalam negara, Hansard, peruntukan di bawah Akta Tafsiran 1948/1967 serta meneliti peruntukan s. 130JB tersebut dalam membuat

dapatan beliau bahawa kesalahan yang dipertuduhkan adalah satu kesalahan liabiliti ketat. Dapatan hakim bicara yang bijaksana itu kami petik di ms. 46 - 50 RR Jld.1 seperti berikut:

> 30. Meneliti kepada Kanun Keseksaan terutamanya Bab VIA terhadap kesalahan-kesalahan berkaitan dengan Pengganas yang bermula dari Seksyen 130C, 130D, 130E, 130F, 130FA, 130FB, 130G, 130H, 130I, 130J, 130JA, 130JC, 130JD, 130K, 130M, 130N, 130O, 130P, 130Q, 130R, 130S, menyebut tentang "knowing", "intentionally", "having reason to believe" yang secara jelas memerlukan elemen NIAT (*MEANS REA*). Tetapi persoalannya adalah perkataan-perkataan tersebut tiada dalam peruntukan Seksyen 130JB(1) Kanun Keseksaan. Pada hemat saya, sekiranya pihak Parlimen berhasrat atau berniat untuk mengenakan kesalahan menurut Seksyen 130JB(1) Kanun Keseksaan dengan pembuktian *mens rea* (Niat), saya penuh percaya bahawa perkataan-perkataan "knowing", "intentionally", "having reason to believe" akan semestinya dimasukkan dalam peruntukan tersebut. Tetapi saya tidak mendapati apa-apa jua perkataan sebegini dalam Seksyen 130JB(1) Kanun Keseksaan. Kalaulah begitu, adakah ini bermaksud bahawa Parlimen sengaja meninggalkan perkataan-perkataan tersebut walhal peruntukan-peruntukan lain dinyatakan secara jelas?? Atau adakah ianya suatu kecuaian yang disengajakan oleh pihak-pihak??
>
> 31. Justeru itu dalam situasi begini, saya berbalik semula kepada prinsip asal sesuatu kesalahan bagi Laibiliti Ketat ini. *Pemakaian Laibiliti Ketat hanya terpakai bagi kesalahan-kesalahan tertentu sahaja yang melibatkan bagi memelihara masyarakat daripada terdedah kepada bahaya. Ianya lebih melibatkan kesalahan yang melibatkan aspek kemasyarakatan (public interest). Sesuatu kesalahan itu menjadi Liabiliti Ketat apabila ia bertentangan dengan hak masyarakat dan ketenteraman awam.* Dalam keadaan yang sedemikian, saya akui tidak dapat lari dari meneliti Hansard (Penyata rasmi Dewan Rakyat) bagi meneliti hasrat pembuat undang-undang semasa undang-undang mengenai keganasan dibentangkan di Parlimen. Dalam **Penyata Rasmi Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Pertama Bil. 18 bertarikh 7 April 2015 mukasurat 104, 122**:
>
> > ... ini selaras dengan tekad kerajaan untuk *menghindari Malaysia menjadi sumber atau hab transit bagi mana-mana kumpulan pengganas. Kesalahan khusus juga diujudkan berhubung pemilikan barang-barang yang berkaitan dengan kumpulan pengganas dan perbuatan keganasan*, membina atau selainnya. Menyediakan pengangkutan bagi tujuan perbuatan keganasan serta membuat apa-apa persediaan bagi melakukan perbuatan pengganas ...
> >
> > Peruntukan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2015, elemen-elemen utama dalam Rang Undang-Undang ini memperuntukkan seperti berikut:
> >
> > > *... seksyen 130JB memperuntukkan bahawa menjadi satu kesalahan bagi seseorang yang mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya apa-apa barang yang dikaitkan dengan mana-mana*

kumpulan pengganas atau perlakuan sesuatu perbuatan keganasan. Kesalahan itu juga merangkumi perbuatan mengadakan, mempamerkan, mengagih atau menjual barang itu ...

... terima kasih Yang Berhormat. Saya mendengar hujah daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat berhubung dengan satu seksyen yang banyak dibangkitkan iaitu Seksyen 130JB(1) iaitu seksyen yang berhubung dengan possession of item. Saya sendiripun mempunyai kecurigaan juga, Yang Berhormat. Saya memahami apa yang Yang Berhormat sebut berhubung dengan possession ini dan Yang Berhormat sebut juga, *itu yang asas sekali dalam sudut undang-undang, actus reus dan mens rea itu, ia tidak ada soalan mens rea proof. Asalkan ia mempunyai atau ada benda-benda macam itu, kalau dilihat secara literal undang-undang ini, boleh dihukum dan boleh dibawa ke mahkamah* ...

... Yang Berhormat, oleh kerana saya juga peka dengan proses pemindaan Yang Berhormat. Kalau saya boleh buat sekarang pindaan itu, saya boleh ubah. Masuk apa yang disebut oleh itu tadi supaya soalan *mens rea* itu akan dimasukkan dalam seksyen 130JB ini. Akan tetapi saya beri assurance satulah sebagaimana yang dipinta oleh Yang Berhormat Shah Alam, **saya akan bincang dengan AG selepas kelulusan itu nanti untuk kita membincangkan soal pindaan kepada 130JB ini** ...

32. Setelah meneliti peruntukan Seksyen 130JB(1) Kanun Keseksaan dan nota-nota perbahasan melalui Penyata Rasmi Dewan Rakyat semasa undang-undang tersebut digubal, fakta-fakta ini telah ditimbulkan dan dibahaskan oleh Ahli-Ahli Parlimen. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengakui bahawa tiada elemen Niat dalam peruntukan tersebut. Diakhir perbahasan menyatakan untuk merujuk peruntukan berkenaan kepada Peguam Negara. Dalam perihal ini saya mendapati tiada sebarang pindaan pun dibuat ke atas peruntukan Seksyen 130JB(1)(a) Kanun keseksaan. *Justeru itu, ber-landaskan kepada otoriti-otoriti di atas, objektif undang-undang ini diperbuat oleh parlimen dan susunan-susunan perkataan didalam peruntukan seksyen tersebut, adalah menjadi hemat saya bahawa peruntukan Seksyen 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan merupakan suatu kesalahan Liabiliti Ketat (strict liability offence). Penghujahan peguam bahawa ini bukan merupakan suatu kes liabiliti ketat tiada mempunyai sebarang merit dan harus ditolak. Dalam keadaan yang sedemikian, mana-mana orang yang didapati memiliki apa-apa jua item yang mempunyai kaitannya dengan pengganas adalah melakukan kesalahan menurut Seksyen 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan. Peruntukan ini sekali gus mengenepikan apa-apa jua elemen mens rea samada melibatkan pengetahuan, niat dan sebagainya.* Dalam menyampaikan keputusan, saya ingin merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan: *Thein Hong Teck & Ors v. Mohd Afrizan Hussain & Anor Appeal* [2012] 1 CLJ 49:

... (31) We are of the view that Section 314(1) of the Act is clear and unambiguous. As such it must be given its literal interpretation. Under the circumstances it is not the function of the court to rewrite the statute in a way in which it considers reasonable. In other words, the High Court was not entitled to

read words into that provision. **Where the words of the statute are plain and unambiguous, the court ought to give effect to its plain meaning** ...

33. *Justeru itu, tanpa mengambil kira apa-apa jua alasan yang dikemukakan oleh OKT, saya mendapati bahawa pada ketika OKT ditahan oleh pihak polis, OKT telah memiliki 12 buah buku-buku yang disenaraikan yang mempunyai kaitan dengan aktiviti pengganas. Oleh itu, di atas isu ini sahaja, OKT didapati bersalah dan disabitkan kesalahan menurut Seksyen 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan*. Sungguhpun begitu, sekiranya dikatakan pemilikan buku-buku tersebut bukan merupakan suatu kesalahan Liabiliti Ketat, saya telah terus menimbangkan isu-isu lain seperti berikut dalam mencapai keputusan akhir kes ini.

(penekanan ditambah)

[28] Kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang bijaksana atas isu ini. Setelah kami hayati peruntukan s. 130JB KK seadanya, kami berpendapat pemilikan apa-apa item (12 buah buku dalam kes ini) yang berunsur perbuatan keganasan atau berkaitan dengan kumpulan pengganas akan menjadi satu kesalahan tanpa perlu dibuktikan perayu mempunyai pengetahuan salah terhadap pemilikan 12 buah buku tersebut. Dalam hal perkara ini, perayu mempunyai beban untuk menidakkan pengetahuan salah (*mens rea*) dipihaknya atas imbangan kebarangkalian. Untuk proposisi ini, kami bergantung pada keputusan Mahkamah Agung Kanada dalam kes *R v. City Sault Ste Maria* [1978] 2 SCR 1299 sebagai panduan, yang menyatakan seperti berikut:

Three categories of offences are therefore now recognised (first) offences in which *mens rea* must be established, (second) offences of "strict liability" in which *mens rea* need not be established but where the defence of reasonable belief in a mistaken set of facts or the defence of reasonable care is available, and (third) offences of "absolute liability" where it is not open to the accused to exculpate himself by showing that he was free of fault. Offences which are criminal are in the first category. Public welfare offences are *prima facie* in the second category. Absolute liability offences would arise where the legislature has made it clear that guilt would follow on mere proof of the proscribed act.

[29] Pandangan kami ditambahkuatkan lagi apabila dipertimbangkan hal perkara (subject matter) yang terlibat dalam pertuduhan yang membawa implikasi kepada soal keselamatan negara dan ketenteraman awam. Hal perkara yang membabitkan soal keselamatan negara sentiasa diberikan keutamaan dan pertimbangan dalam menentukan sesuatu kesalahan yang dipertuduhkan itu diklasifikasikan sebagai liabiliti ketat. Kami berpegang pada pandangan Majlis Privi melalui Lord Scarman dalam kes *Gammon (Hong Kong) Ltd and Others v. Attorney General of Hong Kong* [1984] 2 All ER 503 di ms. 508, yang menyatakan seperti berikut:

In their Lordships' opinion, the law relevant to this appeal may be stated in the following propositions (the formulation of which follows closely the written submission of the appellants' counsel, which their Lordships

gratefully acknowledge): (1) there is a presumption of law that *mens rea* is required before a person can be held guilty of a criminal offence; (2) the presumption is particularly strong where the offence is 'truly criminal' in character; (3) the presumption applies to statutory offences, and can be displaced only if this is clearly or by necessary implication the effect of the statute; (4) the only situation in which the presumption can be displaced is where the statute is concerned with an issue of social concern; public safety is such an issue; (5) even where a statute is concerned with such an issue, the presumption of *mens rea* stands unless it can also be shown that the creation of strict liability will be effective to promote the objects of the statute by encouraging greater vigilance to prevent the commission of the prohibited act.

[30] Begitu juga dalam kes *Sweet v. Parsley* [1969] 1 All ER 347; [1970] AC 132 Lord Reid telah memberikan penghakiman dalam Majlis Privi yang menyatakan seperti berikut:

But where the subject-matter of a statute is the regulation of a particular activity involving potential danger to public health, safety or morals in which citizens have a choice whether they participate or not, the court may feel driven to infer an intention of Parliament to impose, by penal sanctions, a higher duty of care on those who choose to participate and to place on them an obligation to take whatever measures may be necessary to prevent the prohibited act, without regard to those considerations of cost or business practicability which play a part in the determination of what would be required of them in order to fulfil the ordinary common law duty of care. But such an inference is not lightly to be drawn, nor is there any room for it unless there is something that the person on whom the obligation is imposed can do directly or indirectly, by supervision or inspection, by improvement of his business methods or by exhorting those whom he may be expected to influence or control, which will promote the observance of the obligation (see *Lim Chin Aik v. Reginam* ([1963] 1 All ER 223 at 228, [1963] AC 160 at 174).

[31] Kami ingin menekankan bahawa kesalahan di bawah s. 130JB bukanlah merupakan satu kesalahan yang membawa maksud liabiliti mutlak (absolute liability) sebagaimana yang kami fahami dari hujahan yang dikemukakan oleh peguam bela terpelajar. Kesalahan liabiliti mutlak membawa maksud bahawa perayu langsung tidak mempunyai sebarang pembelaan di bawah undang-undang. Pada pandangan kami, kesalahan di bawah s. 130JB adalah dari kategori kesalahan liabiliti ketat dan perayu masih mempunyai pembelaan untuk menafikan sebarang pengetahuan salah. Perkara ini telah diputuskan dalam kes *R v. City of Sault Ste Maria*, *supra*; *Lim Chin Aik v. Regina* [1962] 1 LNS 86; dan *PP v. Koo Cheh Yew & Anor* [1980] 1 LNS 61; [1980] 2 MLJ 235. Dalam kes *PP v. Ali Umar & Ors* [1981] 1 LNS 115, Yusoff Mohamed H menyatakan:

On strict liability cases, the Privy Council had considered in *Lim Chin Aik v. The Queen* [1963] MLJ 50, where it was held that the appellant, Lim Chin Aik, was not guilty of the charge of contravening the law on his entering

and remaining in the State of Singapore imposed by the government because he could not possibly have known of the existence of the law. *Lim Chin Aik*'s case was later considered by the Federal Court in *Public Prosecutor v. Koo Cheh Yew & Anor* [1980] 2 MLJ 235 a reference under section 66(1) Courts of Judicature Act 1964, in which one of the questions referred to was whether a denial by the accused of knowledge of prohibition order, on a charge under section 135(1) of the Customs Act 1967 would entitle the accused to an acquittal. In that reference, the Federal Court found at page 238 paragraph B right column that:

> the exception to the rule against ignorance of law as a defence should not be extended beyond the cases where the defendant could not possibly have known of the existence of the law he had offended against.

and further on page 240, paragraph D left column, it was held that:

> Even if he (accused) proves to the satisfaction of the court that he in fact does not know the existence of the prohibition, he is still not entitled to be acquitted *unless he proves on a balance of probabilities that he could not have reasonably known of the prohibition.* (my italics).

It would appear that in crimes known as strict liability cases it is still open to the accused to prove absence of knowledge and the application of the rule that *mens rea* is an essential ingredient of every offence has not been ousted depending on the subject-matter of the statute though the onus of proof required of the accused is on the balance of probabilities that he could not have reasonably known the existence of the law.

[32] Setelah membuat pertimbangan terhadap pembelaan perayu, hakim bicara yang bijaksana membuat dapatan bahawa pembelaan yang diutarakan oleh perayu sebagai tidak munasabah, satu pemikiran terkemudian dan satu rekaan semata-mata; dan pembelaan itu tidak dapat menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan atas imbangan kebarangkalian. Dapatan hakim bicara yang bijaksana di akhir perbicaraan seperti di ms. 95-96 RR Jld.1 adalah seperti berikut:

> 63. Saya tidak mempercayai alasan Tertuduh untuk memiliki buku-buku tersebut untuk tujuan pengajian Sarjananya dan memperolehi ilmu pengetahuan. *Dalam keadaan yang sebenarnya saya mendapati bahawa OKT memiliki buku-buku tersebut bagi menimba ilmu pengetahuan mengenai pengganas dan berhasrat untuk menyokong perjuangan pengganas yang kononnya Jihad Fisabillah yang pastinya tiada kebenaran. Ketahuilah kepada OKT dan rakan-rakan beliau yang lain bahawa perjuangan jihad yang dikatakan ini sebenarnya membuang masa dan sia-sia belaka. Perjuangan ini bukan sahaja dicemuh, malah dikutuk diserata dunia oleh masyarakat sejagat*. Keterangan yang dikemukakan oleh Tertuduh didapati tidak munasabah dan membangkitkan apa-apa keraguan dalam kes Pendakwaan. Dengan Yang Demikian, Saya Berpuashati Bahawa Pembelaan Tertuduh Adalah Tidak Munasabah Langsung Dan Tidak Membangkitkan Se-barang Keraguan Yang Munasabah Di Atas Imbangan Kebarangkalian. Sebaliknya Saya Berpuashati Bahawa Pihak Timbalan Pendakwa Raya Telah Berjaya

Mem-buktikan Kes Ini Melampaui Keraguan Yang Munasabah (Beyond All Reasonable Doubt). Atas Alasan-alasan Yang Sedemikian, **Saya Mendapati Tertuduh Bersalah Dan Disabitkan Kesalahan Menurut Seksyen 130JB(1)(A) Kanun Keseksaan**.

[33] Kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang bijaksana setakat bahawa kesalahan di bawah s. 130JB KK yang perayu dipertuduhkan merupakan satu kesalahan liabiliti ketat yang tidak mutlak ('absolute liability'). Perayu masih mempunyai ruang untuk 'exculpate' dirinya dengan menunjukkan ketidakbersalahannya. Beban untuk membuktikan bahawa perayu tidak mempunyai sebarang pengetahuan atau sebarang niat jahat terletak atas bahu perayu atas imbangan kebarangkalian. Oleh itu kami mendapati tiada merit dalam hujahan peguam bela atas isu berkaitan alasan rayuan di (a) dan (d). Pada penghakiman kami peruntukan itu tidak semestinya mengandungi pengataan bahawa kesalahan itu merupakan kesalahan liabiliti ketat. Apakah kriteria untuk menentukan kesalahan itu sebagai liabiliti ketat hendaklah berpandukan kepada tujuan dan matlamat yang ingin dicapai oleh peruntukan itu serta hal perkara (subject matter) yang terlibat dengan undang-undang yang digubal.

[34] Sekarang kami beralih kepada alasan rayuan di (c) yang saling berkait rapat dengan isu di (a) dan (d) di atas. Peguam bela perayu menghujahkan bahawa hakim bicara yang bijaksana telah tidak dengan secukupnya menimbangkan pembelaan perayu yang telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Kami mendapati pembelaan perayu berakar umbi kepada elemen pengetahuan. Perayu menyatakan dia tidak tahu memiliki 12 buah buku itu menjadi satu kesalahan, dia juga tidak mengetahui sepenuhnya kandungan 12 buku itu berkaitan dengan kumpulan pengganas dan berkaitan dengan unsur-unsur keganasan dan perayu menyatakan dia memiliki 12 buku itu untuk persediaan bagi tesis Ijazah yang dia sedang ikuti. Perayu turut menyatakan bahawa 12 buah buku yang berkaitan tidak diharamkan pemilikannya oleh Kementerian Dalam Negeri dan bebas dijual dan senang diperoleh dari kedai-kedai buku. Secara ringkasnya, pembelaan perayu adalah bahawa dia memiliki 12 buah buku itu secara niat baik (in good faith).

[35] Pembelaan 'good faith' ada diperuntukkan di bawah s. 52 KK yang berbunyi seperti berikut:

52. Nothing is said to be done or believed in good faith which is done or believed without due care and attention.

[36] Pada pandangan kami, pembelaan 'good faith' ini hanya akan berjaya sekiranya perayu telah bertindak secara 'due care and attention'. Seperti dinyatakan di awal penghakiman kami, beban adalah atas perayu untuk membuktikan bahawa dia telah bertindak secara 'due care and attention' dan beban pembuktian itu, menurut nas-nas, adalah atas imbangan

kebarangkalian. Prinsip ini telah dijelaskan oleh Yong Pung How CJ Singapore dalam kes *Tan Khee Wan Iris v. PP* [1995] 2 SLR 63, yang kami bersetuju sepenuhnya, seperti berikut:

> However, it is not enough for the appellant to show that she was mistaken. She must also show that she believed in good faith that she had a valid licence for the relevant period. The test of whether a mistake was made in good faith is not whether the mistake was an easy one to make nor whether a reasonable person could make the mistake. The test is that laid down in s. 52 of the Penal Code. The test is whether there was due care and attention. The mistake may be a natural one to make and it may be one which reasonable persons often make. Nevertheless, the defence is not made out unless it is shown on a balance of probabilities that the appellant exercised due care and attention. Thus, it is not enough to show that the licensing officer or even the prosecution made the same mistake. All that shows is that it was a reasonable mistake to make. **In order to succeed, the appellant must still show that she exercised due care and attention**. No doubt in many cases the fact that a reasonable person made the same mistake will go some way towards discharging the burden of showing due care and attention, but that is not the same thing.
>
> (penekanan ditambah)

[37] Seksyen 105 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mahu mengguna pakai apa-apa pembelaan am yang diperuntukkan di bawah KK, beban untuk membuktikannya hendaklah dipikul oleh orang itu. Seksyen 105 memperuntukkan seperti berikut:

> 105. When a person is accused of any offence, the burden of proving the existence of circumstances bringing the case within any of the general exceptions in the Penal Code, or within any special exception or proviso contained in any other part of the same Code, or in any law defining the offence, is upon him, and the court shall presume the absence of those circumstances.
>
> Illustrations
>
> (a) A accused of murder alleges that by reason of unsoundness of mind he did not know the nature of the act.
>
> The burden of proof is on A.
>
> (b) A accused of murder alleges that by grave and sudden provocation he was deprived of the power of self control.
>
> The burden of proof is on A.
>
> (c) Section 325 of the Penal Code provides that whoever, except in the case provided for by section 335, voluntarily causes grievous hurt shall be subject to certain punishments.
>
> A is charged with voluntarily causing grievous hurt under section 325.
>
> The burden of proving the circumstances, bringing the case under section 335, lies on A.

[38] Dalam kes di hadapan kami, seperti yang kami nyatakan di awal penghakiman ini, pembelaan perayu bertunjangkan kepada pembelaan suci hati ('good faith') seperti diperuntukkan di bawah s. 52 KK. Kami berpendapat pembelaan suci hati merupakan salah satu pembelaan am yang terdapat di bawah KK yang terbuka kepada perayu. Kami tidak ada menemukan nas yang telah membincangkan pembelaan am di bawah s. 52 KK ini selain nas yang kami petik sebelum ini dari Singapura, *Tan Khee Wan Iris*, *supra*. Sebagai analogi, kami merujuk kepada keputusan mahkamah ini dalam kes *Rikky Purba v. PP* [2014] 3 CLJ 607 mengenai isu yang sama, seperti berikut:

> [47] It is an established principle of criminal jurisprudence that the defence is not required to prove its case with the same rigour as the prosecution and the defence is only required to prove its case on the balance of probabilities to entitle him to rely on any general exceptions of the PC (see s. 105 of the Evidence Act 1950). It is also trite that a scenario which favours the accused should be preferred in cases where multiple inferences may be drawn from the same set of facts (See *Tai Chai Keh v. PP* [1948] 1 LNS 122; [1948] MLJ Supp 105 at p. 108 and *PP v. Chee Cheong Hin Constance* [2006] 2 SLR 24 at p. 85).

(Lihat juga *Patrick Chau Fook Henn v. PP* [2014] 8 CLJ 14; *Zulkifli Ahmad Endin Chun lwn. PP* [2012] 1 LNS 435).

[39] Kami telah meneliti rekod rayuan dan kami mendapati bahawa setiap inci pembelaan perayu telah dipertimbangkan dan diperhalusi oleh hakim bicara yang bijaksana. Perayu tidak pernah menafikan dia memiliki 12 buah buku yang dipertuduhkan. Dalam keterangan membela dirinya, perayu menyatakan sama ada dia telah membeli buku itu dari kedai-kedai menjual buku atau telah membuat salinan fotostat buku milik Dr Mahmud bin Ahmad. Dalam pemeriksaan-balas, perayu menyatakan "Ya, saya tidak menafikan semua buku-buku ini milik saya". Keterangan SP5, ibu perayu turut menyatakan buku-buku di dalam bilik perayu adalah milik perayu sendiri. Hakim bicara yang bijaksana tidak terkhilaf apabila membuat dapatan buku-buku dalam lampiran A pada pertuduhan berada dalam milikan perayu.

[40] Apa yang dipertikaikan oleh perayu dalam pembelaannya adalah bahawa dia tiada pengetahuan salah dalam pemilikan buku-buku tersebut dan buku-buku itu dimiliki bagi tujuan penyediaan tesis Sarjana perayu. Walaupun begitu, perayu dalam keterangannya mengetahui bahawa buku-buku tersebut berkaitan dengan pengganas dan Kumpulan Pengganas Al-Qaeda, Islamic State dan Jemaah Islamiah. Tiga kumpulan pengganas ini telah diwartakan oleh Kerajaan sebagai kumpulan pengganas melalui P.U.(A)301/2014 bertarikh 30 Oktober 2014 dan P.U.(A)93/2014 bertarikh 7 April 2014 selaras dengan ss. 66B dan 66D Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613). Perayu turut mempunyai pengetahuan mengenai penglibatan Dr Mahmud bin Ahmad a.k.a. Abu Handzalah dan

Muamar Gadaffi bin Mohamad Shafawi dalam pasukan pengganas. Perayu mempunyai kaitan dengan kedua-dua pengganas tersebut sejak 2013 lagi dan mereka telah diwartakan sebagai pengganas melalui P.U.(A) 301/2014. Kami mendapati hakim bicara yang bijaksana tidak terkhilaf dalam membuat dapatan bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan buku-buku yang dipertuduhkan itu berkaitan dengan pergerakan pertubuhan pengganas. Oleh itu pembelaan perayu bahawa dia tidak ada pengetahuan telah dipertimbangkan oleh hakim bicara yang bijaksana dan telah ditolak.

[41] Pembelaan perayu seterusnya adalah bahawa dia memerlukan buku-buku tersebut bagi tujuan menyambung pelajaran di peringkat Sarjana dan buku-buku tersebut dijadikan sebagai bahan kajian dan rujukannya. Pembelaan ini juga telah dipertimbangkan oleh hakim bicara yang bijaksana dengan panjang lebar dalam penghakiman beliau seperti di ms. 55 hingga 69 rekod rayuan jilid 1. Setelah mengulas keterangan perayu dan menimbang keterangan yang disampaikan oleh Wan Farahana binti Wan Hamid (SP7) dari Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, hakim bicara yang bijaksana telah membuat rumusan seperti berikut:

> 44. *Apa yang jelas adalah OKT tidak memperbaharui pendaftarannya pada bila-bila masapun sehingga pada hari OKT ditangkap. Kalaulah benar OKT ini berhasrat untuk menyambung pengajian Sarjananya, beliau mempunyai tempoh masa selama dua tahun mulai dari tarikh surat (P48) pada 23 Januari 2014 sehingga tarikh ditangkap polis pada 22 Mac 2016, Mengapa-kah OKT Tidak Bertindak Untuk Mempastikan Dirinya Dapat Meneruskan Pengajian Sarjana??* Pada hemat saya, sekiranya betul cerita OKT ini, apakah nilai keterangannya semasa pemeriksaan semula, OKT menyatakan beliau telah meminta kawannya tolong bayarkan tetapi tidak pernah menyemak. OKT melaungkan hasratnya hendak sambung belajar lagi tetapi tidak semak samada kawannya telah membuat pembayaran bagi maksud memperbaharui pendaftaran pelajarannya. Pada hemat saya, apakah nilai keterangan ini yang sangat "highly improbable", dalam keadaan OKT yang menghadapi masalah kewangan dan telah membuat pembayaran melalui kawannya (dikatakan begitu), tetapi masih tidak menyemak samada kawannya itu telah membuat pembayaran dan memperbaharui pendaftaran pengajiannya?? Sekiranya begitu, pada hemat saya keterangan saksi (SP7) adalah amat meyakinkan Mahkamah ini bahawa OKT tiada pernah pada bila-bila masa membuat sebarang rayuan untuk diterima meneruskan pembelajarannya diperingkat Sarjana. *Justeru itu pada hemat saya, saya ingin menegaskan bahawa semenjak dari OKT menerima surat notis (P48) bertarikh 23 Januari 2014 sehingga pada hari penangkapannya pada 22 Mac 2016, OKT sememangnya tiada hasrat untuk menyambung pelajarannya diperingkat Sarjana. Cerita OKT yang melaung-laungkan bahawa beliau ingin meneruskan pengajiannya diperingkat Sarjana hanyalah impian beliau ibarat suatu Mimpi disiang hari.*
>
> …
>
> 47. Dalam menilai kesungguhan ini, seperti yang dinyatakan oleh peguam bahawa OKT telah mengemukakan dan menghantar tajuk tesis kepada pihak Universiti Malaya. Tetapi dalam keterangan (SP7) tiada satupun

mengenai perkara ini ditekankan oleh pihak peguam. *Malahan saksi (SP7) mengesahkan bahawa OKT tiada pernah pada bila-bila masa mengemukakan proposal mengenai cadangan tajuk tesisnya kepada pihak Universiti Malaya mahupun kepada Fakulti*. Dalam kes pembelaan, saya mencari-cari jawapan kepada persoalan ini. Sekiranya benar cerita ini, saya penuh percaya OKT akan menegaskan dalam keterangannya bahawa Saya Telah Mengemukakan Proposal Cadangan Tajuk Tesis Kepada Pihak Universiti. Setelah beberapa kali mendengar keterangan OKT, saya tiada menemui satu jawapanpun daripada keterangan OKT mengenai perkara ini. *Saya tiada menemui sebarang jawapan daripada keterangan OKT bahawa beliau telah menghantar proposal dan cadangan tesisnya*. Pada hemat saya sekiranya proposal dan cadangan tajuk tesis ini tidak dikemukakan kepada pihak Universiti oleh OKT, maka adalah suatu justifikasi surat (P48) diberikan kepada OKT untuk melucutkan pengajian Sarjananya. *Apalah ertinya OKT bersungguh-sungguh dan melaung-laungkan slogan beliau menulis tesisnya dan berbincang dengan Dr Mahmood dan dalam masa yang sama beliau mengetahui bahawa beliau perlu untuk mengemukakan proposal cadangan tajuk tesis kepada pihak Universiti untuk tujuan pemeriksaan, tetapi tidak bersungguh-sungguh mengambil tindakan tersebut*. Sekiranya OKT tidak membuat pembayaran yuran pengajian, sekiranya OKT juga tidak membaharui pendaftaran pengajiannya dan sekiranya OKT juga tidak mengemukakan proposal cadangan tajuk tesisnya kepada pihak Universiti, Mahkamah ini tidak dapat mengandaikan apa-apa selain dan melainkan untuk menegaskan bahawa OKT sebenarnya tiada membuat persiapan untuk menulis tesisnya. Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa cerita OKT yang melaung-laungkan bahawa beliau ingin menulis tesis pengajiannya diperingkat Sarjana hanyalah ibarat satu FANTASI.

[42] Setelah meneliti rekod rayuan, kami bersetuju dengan rumusan yang dibuat oleh hakim bicara yang bijaksana mengenai pembelaan perayu bahawa buku-buku tersebut untuk kajian dan rujukan dalam pengajiannya di peringkat Sarjana. Tidak benar dakwaan oleh peguam bela terpelajar bahawa pembelaan perayu telah gagal dipertimbangkan dengan secukupnya oleh hakim bicara yang bijaksana.

[43] Kami mendapati hakim bicara yang bijaksana turut mempertimbangkan pembelaan perayu bahawa dia ingin pergi ke Syria bukan untuk menyertai kumpulan pengganas tetapi hanyalah untuk menyertai Misi Kemanusiaan - NGO Malaysia Life Line For Syria. Isu pembelaan ini berkait rapat dengan laporan polis Dungun Report 1492/14 (P54) yang telah dibuat oleh bapa perayu sendiri pada 18 Februari 2014 yang antara lain menyatakan bahawa perayu pernah mengatakan kepada bapanya bahawa perayu ingin pergi ke Syria untuk berjihad, jika dihalang perayu akan membunuh diri dan ibu bapanya akan mendapat kesusahan.

[44] Tujuan pihak pendakwaan dalam mengemukakan P54 adalah untuk mematahkan keterangan perayu yang menafikan sebarang pengetahuan terhadap perjuangan kumpulan pengganas dan menafikan buku-buku yang dipertuduhkan mengandungi unsur-unsur keganasan serta berkaitan dengan

kumpulan pengganas. Pengemukaan P54 melalui saksi rebuttal (RRW1) dibantah dengan keras oleh peguam bela terpelajar di peringkat perbicaraan kerana pembuatnya (maker) tidak dipanggil ke mahkamah sebagai saksi. Hakim bicara yang bijaksana bagaimanapun telah menerima masuk P54 di bawah s. 146 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti berikut:

> 146. When a witness may be cross-examined he may, in addition to the questions hereinbefore referred to, be asked any questions which tend:
>
> (a) To test his accuracy, veracity or credibility;
>
> (b) To discover who he is and what is his position in life; or
>
> (c) To shake his credit by injuring his character, although the answer to such questions might tend directly or indirectly to criminate him, or might expose or tend directly or indirectly to expose him to penalty or forfeiture.

[45] Hakim bicara yang bijaksana telah menerima masuk P54 dengan berlandaskan nas-nas *Lim Baba v. PP* [1962] 1 LNS 84; [1962] 1 MLRH 526; [1962] MLJ 201; *Sharma Kumari Oam Prakash v. PP* [2000] 5 MLRH 48; [2000] 6 MLJ 282 dan juga *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649; [2000] 1 MLRH 764; [2000] 6 MLJ 705. Walau bagaimanapun, kami mendapati bahawa hakim bicara yang bijaksana tidak membincangkan bantahan peguam bela yang menghujahkan P54 hanya boleh diterima masuk melalui pembuat dokumen itu iaitu bapa perayu. Untuk bantahan ini, jawapan kami adalah bahawa perbicaraan terhadap perayu adalah di bawah SOSMA, maka P54 boleh diterima masuk sebagai keterangan pada mana-mana peringkat perbicaraan tanpa dikemukakan melalui pembuat dokumen itu. Seksyen 17 dan 20 SOSMA memperuntukkan seperti berikut:

> 17. This part shall have effect notwithstanding anything inconsistent with the Evidence Act 1950 [Act 56].
>
> 20. All documents seized during a raid or in the course of investigation and the contents of the documents shall be admissible as evidence.

[46] Setelah meneliti rekod rayuan, kami mendapati hakim bicara yang bijaksana telah mengambil kira dan menilai semua pembelaan yang dikemukakan oleh pihak perayu. Oleh itu sekali lagi kami menyatakan bahawa dakwaan peguam bela bahawa pembelaan perayu gagal dinilai secukupnya adalah tidak benar. Kami bersetuju bahawa pembelaan perayu telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah dan pembelaan perayu juga gagal menyangkal bahawa perayu memiliki 12 buah buku yang dipertuduhkan secara 'good faith' seperti dikehendaki di bawah s. 52 KK atas imbangan kebarangkalian.

[47] Alasan rayuan terakhir yang dihujahkan oleh peguam bela menyentuh tentang pertuduhan yang didakwa sebagai cacat dan tidak boleh diperbaiki di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah. Peguam bela terpelajar menghujahkan bahawa walaupun kesalahan di bawah s. 130JB menyatakan

kesalahan yang dilakukan jika item yang dimiliki itu merupakan "item yang berunsurkan perbuatan keganasan" atau "berkaitan dengan kumpulan pengganas", pihak pendakwaan bagaimanapun telah menggunakan perkataan "dan". Ini membawa maksud bahawa kedua-dua elemen itu hendaklah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Dihujahkan bahawa ini telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan hakim bicara yang bijaksana bergantung pada keterangan SP10 yang mengesahkan 12 buah buku yang dipertuduhkan berkaitan dengan kumpulan pengganas. Hakim bicara yang bijaksana telah gagal untuk membuat pertimbangan terhadap isu sama ada 12 buah buku itu mengandungi unsur-unsur perbuatan keganasan. Oleh itu dihujahkan bahawa pertuduhan adalah cacat (defective) dan dari itu dikatakan satu kes *prima facie* telah gagal dibuktikan.

[48] Kami telah meneliti rekod rayuan secara menyeluruh dan kami mendapati tidak ada berlakunya prejudis sehingga mengakibatkan wujud keadaan kegagalan keadilan terhadap perayu dalam kes ini berbangkit daripada pertuduhan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Selain diwakili oleh beberapa orang peguam bela yang berkelayakan dan berpengalaman lama dalam amalan perundangan dan kepeguaman, perayu juga telah dapat mengemukakan pembelaannya dengan berkesan. Perayu tahu mengenai pertuduhan yang dihadapi dan telah membangkitkan isu-isu relevan semasa perbicaraannya.

[49] Pada penghakiman kami selagi tidak berlakunya prejudis dan kegagalan keadilan, apa-apa kecacatan dalam pertuduhan tidak akan meruntuhkan kes pihak pendakwaan dan kecacatan itu boleh ditampung (curable) di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Ini tidak berlaku dalam kes di hadapan kami. Seksyen 156 dan s. 422 KTJ, kami petik, menyatakan seperti berikut:

> Section 156. Effect of errors.
>
> No error in stating either the offence or the particulars required to be stated in the charge, and no omission to state the offence or those particulars shall be regarded, at any stage of the case, as material unless the accused was in fact misled by that error or omission.
>
> Irregularities not to vitiate proceedings
>
> 422. Subject to the provisions contained in this Chapter no finding, sentence or order passed or made by a Court of competent jurisdiction shall be reversed or altered on account of:
>
> (a) any error, omission or irregularity in the complaint, sanction, consent, summons, warrant, charge, judgment or other proceedings before or during trial or in any inquiry or other proceeding under this Code:
>
> (b) ….
>
> (c) ….
>
> unless such error, omission, irregularity, … has occasioned a failure of justice.

[50] Peguam bela terpelajar turut menghujahkan bahawa hakim bicara yang bijaksana sepatutnya boleh melihat semula kes *prima facie* walaupun selepas Mahkamah Rayuan dalam panel terdahulu telah memerintahkan pembelaan perayu dipanggil untuk menentukan sama ada elemen unsur-unsur keganasan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam bela terpelajar. Hakim bicara yang bijaksana boleh melihat semula (revisit) kes *prima facie* hanya sekiranya terdapat keterangan-keterangan baru dikemukakan. Dalam hal ini tidak ada apa-apa keterangan baru dikemukakan yang dapat mengubah keputusan kes *prima facie* bagi pembuktian elemen unsur-unsur keganasan. Sebaliknya hakim bicara yang bijaksana masih menyatakan dapatan awalnya bahawa 12 buah buku yang dipertuduhkan mempunyai kaitan dengan kumpulan pengganas.

[51] Kegagalan keadilan ('failure of justice') yang dimaksudkan di bawah s. 422 KTJ telah dijelaskan dalam banyak kes terdahulu. Dalam kes *PP v. Ishak Hj Shaari & Other Appeals* [2003] 3 CLJ 843, mahkamah ini telah menyatakannya seperti berikut:

> The words "unless such error, omission or irregularity … has occasioned a failure of justice can be resolved by seeking answer to certain corollary questions, namely, did the accused have a fair trial, did he know what he was being tried for, and whether the allegations and facts were explained to him fairly and clearly and whether he was given a full and fair chance to defend himself? If the answer are in the affirmative, the only conclusion is that there has been no prejudice and failure of justice."

[52] Persoalan yang sama melibatkan penggabungan dua item sebagai elemen dalam satu pertuduhan turut dibincang dan diputuskan oleh mahkamah ini dalam kes *Aisyah Mohd Rose & Anor v. PP* [2016] 1 CLJ 529; [2016] 1 MLJ 840 seperti yang berikut:

> [27] In respect of the contention that the charge of 'diamanahkan dengan penguasaan terhadap harta tertentu' was unknown in law, learned counsel highlighted that there was no provision for such offence of 'entrusted with the dominion over the property' as s 409 provides for ' … entrusted with property or with any dominion over property'. Learned counsel submitted that the charge was confusing and had caused prejudice to the appellants in defending themselves. Citing the Indian case of *Abinash Chandra Sarkar & Ors v. Emperor* [1936] 37 Cr LJ 439, learned counsel contended that the defect in the charge could not be cured as it violated s 163 of the CPC.
>
> [28] Section 163 of the CPC as quoted above, stipulates that for every distinct offence, there shall be a separate charge. In the instant appeal, there were no distinct offences but only the offence of criminal breach of trust. In our view, there was no violation of s 163 of the CPC as such, except that if at all there was an error, it was for combining the two particulars of the offence in the charge, when the particulars ought to have been either 'entrusted with the property' or having 'dominion over the property'.

[29] We find the answer to this error in s. 156 of the CPC which reads: A

> No error in stating either the offence of the particulars required to be stated in the charge, and no omission to state the offence or those particulars shall be regarded, at any stage of the case, as material unless the accused was in fact misled by that error or omission. B

[30] Based on the above provision, what is of significance is not the error *per se* in the charge but whether the error had resulted in the appellants being misled. We are not convinced that the appellants had in fact been misled or prejudiced by the error in the particulars of the charge such that they were not able to put up a proper defence. C

[53] Pada penghakiman kami pada peringkat ini kami hanya perlu melihat sama ada wujudnya atau telah berlakunya satu kegagalan keadilan. Kami mendapati tidak ada berlakunya sebarang prejudis atau kegagalan keadilan dalam kes ini. Perayu telah dapat mengemukakan pembelaannya dengan dibantu oleh peguam bela yang terpelajar. Selain itu kami telah meneliti D rekod rayuan dan mendapati adanya keterangan yang mencukupi untuk mengekalkan sabitan terhadap perayu atas pertuduhan dan bahawa sabitan adalah selamat. Dalam kes *Razali Samani v. PP* [2010] 9 CLJ 714; [2011] 5 MLJ 188, mahkamah ini telah memutuskan seperti berikut:

> [20] In the charge the offence was alleged to have taken place on E 20 February 2004. However, the evidence show that the offence and the arrest took place on 19 February 2004. This issue was not raised in the court below or before us and the learned trial judge did not address this issue in his judgment. Notwithstanding that we were of the view that the error in the charge against the appellant had not occasioned a failure of justice. There was sufficient evidence to warrant the conviction. It is trite F law that in a criminal case the duty of the court is to consider whether the conviction is right (see *Mohd. Johi bin Said & Anor v. Public Prosecutor* [2005] 5 MLJ 409; [2005] CLJ 389).

[54] Mahkamah ini dalam kes *Kwok Pin Hwee lwn. PP* [2017] 1 LNS 533 telah mengulangi prinsip undang-undang mantap mengenai budi bicara dalam G melihat semula kes *prima facie* dan telah memutuskan seperti berikut:

> [17] Undang-undang kini telah mantap tentang pendekatan yang harus diambil oleh YA Hakim bicara dalam keadaan tertuduh telah diperintahkan untuk membela diri oleh Mahkamah Rayuan. Prinsip ini telah dijelaskan dalam beberapa kes. Dalam kes *Pendakwa Raya v. Sulaiman bin Saidin* [2010] 1 CLJ 184; [2010] 3 MLJ 383 Sulaiman Daud H HMR menjelaskan:
>
> > [27] Sebelum merumuskan isu atau isu-isu yang berbangkit dalam rayuan ini, kami mendapati perlu untuk mengulangi bahawa tertuduh telah dipanggil untuk membela diri setelah Mahkamah ini, dalam Rayuan terdahulu, mengetepikan keputusan Hakim Bicara diakhir kes pendakwaan. Sehubungan dengan itu, kami mendapati tiada keperluan bagi kami untuk menimbangkan semula I isu-isu yang telah diputuskan oleh Mahkamah ini terdahulu

A mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan di akhir kes pensakwaan, **kecuali jika terdapat keterangan-keterangan baru** yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan yang boleh menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan.

Perkara yang sama telah dinyatakan juga dalam kes *Mohd Azrin bin Che*
B *Meh v. Pendakwa Raya* [2011] 1 LNS 1304; [2012] 1 MLJ 450 melalui penghakiman Azahar Mohamed HMR (ketika itu):

> [32] … sepertimana yang kami nyatakan sebentar tadi, panel Mahkamah Rayuan telah memutuskan pada 3 Ogos 2008 bahawa terdapat kes *prima facie* terhadap Perayu. Maka menjadi
C tanggungjawab Perayu untuk menyangkal kes pendakwaan. Ini bermakna, Perayu boleh disabitkan atas keterangan *prima facie* tersebut sekiranya Perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan.

Begitu juga dalam kes *Manimaran Amas v. PP* [2014] 1 LNS 1412; [2015]
D 1 MLJ 18, diputuskan:

> [22] In the course of the submissions, we had sought clarification from learned counsel and it was made clear to us that what we were urged to do was to revisit the decision of the previous panel of this court in calling upon the appellants to enter on their defence.
E
> [23] Whilst the appellants may, when an appeal is pursued further at the Federal Court, argue that the Court of Appeal erred in calling upon the appellants to enter on their defence, we, on our part were in no position to review the said decision of the previous panel of the Court of Appeal. The instant appeal, in our view,
F shoud focus on whether the defence had raised a reasonable doubt on the prosecution case.
>
> ...
>
> [25] In the instant appeal, since all the appellants were called upon by the Court of Appeal to enter on their defence, it must
G necessarily mean that the Court of Appeal was satisfied that the prosecution had proved all the ingredients of the charge, including the element of common intention, before concluding that a *prima facie* case had been made out by the prosecution. There was therefore no necessity for us to revisit the issues on whether a *prima facie* case had been made out. **What we need to consider was**
H **whether the evidence from the defence had cast a reasonable doubt on the prosecution's case**.
>
> (Rujuk juga: *Ouseng Sama-ae v. PP* [2010] 6 CLJ 416 (MR); *Mohd Azrin bin Che Meh v. Pendakwa Raya* [2011] 1 LNS 1304; [2012] 1 MLJ 450; *Mohd Nazrul Shuhaimi v. Pendakwa Raya* [2014] 1 LNS
I 1271 (MR))

[18] Selaras dengan prinsip di atas, kami mengambil pendirian bahawa kami tidak perlu menimbangkan semula isu-isu yang telah dibangkitkan dan diputuskan di akhir kes pendakwaan oleh Mahkamah Rayuan terdahulu kecuali jika terdapat keterangan baru yang dibangkitkan oleh

pihak Perayu yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Dengan itu, apa yang perlu kami pertimbangkan adalah sama ada keterangan yang dikemukakan oleh pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

(penekanan ditambah)

[55] Berkaitan dengan alasan dan isu yang sama, peguam bela terpelajar telah menghujahkan bahawa hakim bicara yang bijaksana telah gagal untuk membuat dapatan bahawa 12 buah buku yang dipertuduhkan mengandungi unsur-unsur perbuatan keganasan sepertimana dalam pertuduhan. Kami menolak hujahan peguam bela terpelajar atas alasan bahawa pada peringkat ini tiada sebarang keperluan untuk hakim bicara yang bijaksana untuk membuat dapatan berkenaan setelah panel terdahulu Mahkamah Rayuan memerintahkan pembelaan perayu dipanggil. Tanggungjawab hakim bicara yang bijaksana pada peringkat ini hanyalah untuk menentukan sama ada pembelaan perayu berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah atau tidak. Hakim bicara yang bijaksana setelah menimbangkan pembelaan perayu mendapati bahawa pembelaan perayu telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan telah mensabitkan perayu dengan pertuduhan. Dalam penghakimannya, hakim bicara yang bijaksana membuat dapatan seperti berikut:

[33] Justeru itu, tanpa mengambil kira apa-apa jua alasan yang dikemukakan oleh OKT, saya mendapati bahawa pada ketika OKT ditahan oleh pihak polis, OKT telah memiliki 12 buah buku-buku yang disenaraikan yang mempunyai kaitan dengan aktiviti pengganas. Oleh itu, di atas isu ini sahaja, OKT didapati bersalah dan disabitkan kesalahan menurut Seksyen 130JB(1)(a) Kanun Keseksaan. Sungguhpun begitu, sekiranya dikatakan pemilikan buku-buku tersebut bukan merupakan suatu kesalahan Laibiliti Ketat, saya telah terus menimbangkan isu-isu lain seperti berikut dalam mencapai keputusan akhir kes ini.

....

[36] Berdasarkan kepada keterangan-keterangan OKT semasa pemeriksaan balas, persoalan sama ada OKT telah membaca buku-buku tersebut bukanlah suatu isu. Apa yang penting adalah semasa membeli buku-buku tersebut dan ketika OKT ditahan oleh pihak polis, OKT mengetahui status buku-buku tersebut. Dalam soal ini, sungguhpun tiada keperluan dipihak Timbalan Pendakwa untuk membuktikannya, saya berpuashati bahawa pada ketika OKT ditangkap oleh polis, malahan semasa membeli buku-buku tersebut dan berada dalam pemilikannya, OKT mengetahui bahawa ianya berkaitan dengan pergerakan pengganas Al-Qaeda dan Islamic State.

.....

[62] Tahap pembuktian pihak-pihak juga telah dibincangkan dan dijelaskan dalam kes-kes tersebut dan diambil perhatian pada membuat pertimbangan keseluruhan kes ini. Gambaran keseluruhannya yang dilihat diakhir kes adalah Tertuduh sememangnya mempunyai pemilikan buku-

A buku tersebut yang mempunyai kaitan dengan kegiatan pengganas. Cerita dan kerisauan bapa OKT tentang keselamatan keluarganya menyebabkan laporan polis (P54) dibuat.

[56] Kami tidak mendapati sebarang kekhilafan oleh hakim bicara yang bijaksana dalam membuat dapatan dan keputusan bahawa perayu disabitkan B atas pertuduhan. Sabitan perayu disokong oleh keterangan yang kukuh dan mencukupi yang tidak memerlukan campur tangan mahkamah atasan.

[57] Kes *K S Roberts v. PP* [1970] 1 LNS 44; [1970] 2 MLJ 137 boleh diterima sebagai analogi dalam menilai elemen pengetahuan yang dinafikan oleh perayu walaupun kes itu melibatkan satu kesalahan di bawah s. 292(a) C KK kerana pemilikan buku majalah yang mengandungi bahan lucah untuk penjualan. Raja Azlan Shah H (sebagaimana Almarhum Tuanku ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> The conviction is impugned on another ground that the appellant has no knowledge that the publication is obscene as he is only a retailer and D therefore not expected to know what is contained in every publication. The argument is based on the false premise that before a person is found guilty of selling or keeping for sale any obscene publication, the prosecution must prove that he "knows" that the publication is obscene. In a case under s. 292(a) of the Penal Code knowledge that the publication is obscene need not be proved. If the law is otherwise it would E place an intolerable burden on the prosecution. The difficulty of obtaining legal evidence of the offender's knowledge of the obscenity of the publication has made the liability strict. Absence of knowledge may only be taken in mitigation of sentence.

[58] Begitu juga dalam kes *Mohamed Ibrahim v. PP* [1962] 1 LNS 100; F [1963] MLJ 289 yang faktanya juga melibatkan pemilikan untuk penjualan 65 buah buku "Tropic of Cancer" yang mengandungi bahan lucah, satu kesalahan di bawah s. 292(a) KK. Pembelaan perayu dalam kes itu adalah bahawa dia tidak ada pengetahuan buku-buku itu mengandungi bahan lucah kerana dia tidak memahami Bahasa Inggeris. Hakim Thomson KHN telah G menolak pembelaan perayu bahawa dia tidak mempunyai pengetahuan terhadap kandungan 65 buah buku tersebut mengandungi bahan lucah. Hakim Thomson KHN menyatakan:

> It is clearly one object of s. 292 of the Penal Code to protect those members of the public, particularly the younger members of the public who H may be tempted to buy and so expose themselves to the corrupting influence of obscene books. To adopt the language of Lord Coleridge in *Blaker v. Tillstone*, it is clear that any enactment forbidding possession for sale of obscene books would be nugatory if in every case it was open for the person in possession to say that he did not know the contents of the books he was selling and if it were for the prosecution to negative that I assertion. In every case it would be open to any person wishing to sell such books to employ as his vendor persons ignorant of the English language who would be immune from punishment. I can see no reason for differentiating between the person who sells books and the person who sells beer or beef or tobacco. It is his business to ensure that his

merchandise is such that the public who buy from him do not suffer and the most the prosecution can be expected to prove is not knowledge but the existence of means of acquiring knowledge.

[59] Kami telah berkesempatan meneliti dua kes dari England yang dirujuk oleh peguam bela terpelajar dan telah diputuskan di bawah Terrorism Act 2000. Dua kes yang dirujuk itu ialah *Regina v. G* [2010] 1 AC 43 dan *Regina v. Zafar* [2008] QB 810. Kami mendapati peruntukan di bawah s. 57 Terrorism Act 2000 yang dirujuk oleh peguam bela berbeza dengan peruntukan di bawah s. 130JB KK. Dalam kes *Regina v. G*, *supra*, G dipertuduhkan di bawah s. 58 manakala J telah dipertuduhkan di bawah s. 57(1) atas kesalahan memiliki barangan "… for a purpose connected with instigation, preparation or commission of an act of terrorism ...". J turut dituduh di bawah s. 58(1)(b) kerana memiliki maklumat "…. useful to a person committing or preparing an act of terrorism …". Jelas sekali peruntukan undang-undang di England yang dirujuk oleh peguam bela terpelajar adalah jauh berbeza. Oleh yang demikian, kes *Regina v. G*, *supra*, tidak boleh terpakai sebagai panduan oleh mahkamah-mahkamah di Malaysia. Bahagian yang dirujuk oleh peguam bela diperturunkan seperti berikut:

Per curiam. Under section 57(1) of the 2000 Act, contrast to section 58(1), the circumstances of the defendant's possession of the articles in question are a crucial element of the offence. By virtue of section 118(2) of the 2000 Act, a defence under section 57(2) is assumed to be satisfied when, even though reasonable suspicion to the contrary has been proved beyond reasonable doubt, the defendant adduces sufficient evidence to entitle the court or jury to find that his possession of the article was not in fact for a terrorist purpose unless the prosecution proves beyond reasonable doubt that the defence has not been made out. Section 118(2) does not require the prosecution to go further and prove that the defendant's possession was for a terrorist purpose in order to rebut the section 57(2) defence.

[60] Seksyen 57 dan 58 Terrorism Act 2000 dengan jelas memperuntukkan mengenai kesalahan dan pembelaan terhadap pertuduhan-pertuduhan di bawah seksyen-seksyen tersebut, seperti berikut:

57.(1) A person commits an offence if he possesses an article in circumstances which give rise to a reasonable suspicion that his possession is for a purpose connected with the commission, preparation or instigation of an act of terrorism.

(2) It is defence for a person charged with an offence under this section to prove that his possession of the article was not for a purpose connected with the commission, preparation or instigation of an act of terrorism.

(3) In proceedings for an offence under this section, if it is proved that an article - (a) was on any premises at the same time as the accused, or (b) was on premises of which the accused was the occupier or which he habitually used otherwise than as a member of the public, the court may

A assume that the accused possessed the article, unless he proves that he did not know of its presence on the premises or that he had no control over it.

(4) A person guilty of an offence under this section shall be liable:

B (a) on conviction on indictment, to imprisonment for a term not exceeding 15 years, to a fine or to both, or

(b) on summary conviction, to imprisonment for a term not exceeding six months, to a fine not exceeding the statutory maximum or to both.

C dan

58.(1) A person commits an offence if - (a) he collects or makes a record of information of a kind likely to be useful to a person committing or preparing an act of terrorism, or (b) he possesses a document or record containing information of that kind.

D (2) In this section 'record' includes a photographic or electronic record.

(3) It is a defence for a person charged with an offence under this section to prove that he had a reasonable excuse for his action or possession.

(4) A person guilty of an offence under this section shall be liable:

E (a) on conviction on indictment, to imprisonment for a term not exceeding 10 years, to a fine or to both, or

(b) on summary conviction, to imprisonment for a term not exceeding six months, to a fine not exceeding the statutory maximum or to both.

F **[61]** Seksyen 57(2) dan 58(3) di bawah Terrorism Act 2000 tersebut yang membuat peruntukan mengenai pembelaan seseorang tertuduh tidak terdapat di bawah KK dan pembelaan sedemikian tidak terbuka kepada perayu dalam kes rayuan di hadapan kami.

[62] Dalam kes *Regina v. Zafar*, *supra*, perayu-perayu merupakan empat G pelajar sebuah universiti telah dipertuduhkan di bawah s. 57(1) Terrorism Act 2000 kerana memiliki bahan-bahan untuk membuat bom dan mortar. Sekali lagi pertuduhan terhadap mereka menyatakan mereka memiliki barangan tersebut dengan tujuan "… connected with the commission, preparation or instigation of an act of terrorism.". Peruntukan sedemikian H jelas tidak terdapat di bawah s. 130JB KK. Oleh itu, kesalahan di bawah s. 57(1) Terrorism Act 2000 tidak boleh disamakan dengan s. 130JB KK. Oleh yang demikian, mahkamah-mahkamah di England telah memutuskan bahawa beban pembuktian atas pihak pendakwaan untuk membuktikan tujuan dan niat tertuduh dalam memiliki barangan yang dipertuduhkan I adalah untuk tujuan berkaitan dengan keganasan kerana s. 57(1) Terrorism Act 2000 tidak berbentuk liabiliti ketat seperti s. 130JB KK.

[63] Setelah meneliti rekod rayuan dan setelah menimbangkan hujahan pihak-pihak atas isu-isu yang telah dibangkitkan dalam rayuan perayu, kami mendapati tiada merit dalam rayuan perayu terhadap sabitan. Rayuan perayu terhadap sabitan ditolak. Sabitan oleh Mahkamah Tinggi disahkan dan dikekalkan.

Hukuman

[64] Perayu turut merayu terhadap hukuman lima tahun penjara yang dijatuhkan oleh hakim bicara yang bijaksana. Seksyen 130JB KK memperuntukkan hukuman penjara maksima tujuh tahun dan item yang terlibat boleh dilucut hak. Peguam bela terpelajar menghujahkan hukuman lima tahun adalah berlebihan (excessive). Perayu seorang pesalah pertama dan masih berusia muda. Perayu memohon agar hukuman penjara dikurangkan.

[65] Sebelum menjatuhkan hukuman lima tahun penjara, hakim bicara yang bijaksana telah menitikberatkan bahawa kesalahan yang dilakukan adalah serius kerana item yang berkaitan dengan kumpulan pengganas dapat mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Oleh itu, kesalahan perayu ialah kesalahan yang berat dan serius. Walau bagaimanapun, kami bersetuju dengan hujahan peguam bela terpelajar bahawa hukuman lima tahun penjara yang dijatuhkan oleh hakim bicara yang bijaksana adalah terlampau berlebihan. Hakim bicara yang bijaksana langsung tidak melihat kepada trend penghukuman terhadap kes-kes yang melibatkan SOSMA yang telah diputuskan sebelum ini.

[66] Dalam menimbangkan rayuan perayu terhadap hukuman, kami telah merujuk kepada kes-kes yang berikut sebagai panduan:

(i) *PP lwn. Ummi Kalsom Bahak* [2015] 7 CLJ 503 - pertuduhan di bawah s. 130J(1)(a) KK dibaca bersama dengan s. 511 KK kerana cubaan untuk memberikan sokongan kepada kumpulan pengganas IS di Syria. Mengaku salah, dan dihukum dua tahun penjara sejak tarikh ditangkap. Hukuman maksima 15 tahun (cubaan). Disahkan oleh Mahkamah Rayuan dan juga oleh Mahkamah Persekutuan;

(ii) *PP v. Yazid Sufaat & Ors* [2014] 2 CLJ 670 - pertuduhan di bawah s. 130G(a) KK kerana mempromosi ideologi untuk melakukan perbuatan keganasan. Mengaku salah semasa perbicaraan berlangsung setelah pertuduhan pindaan ditawarkan. Dihukum tujuh tahun penjara.

(iii) *PP v. Hassan Hj Ali Basri* [2014] 2 CLJ 72 - pertuduhan di bawah s. 130C KK kerana melakukan perbuatan keganasan dengan menyembunyikan maklumat yang diterima mengenai kedatangan kumpulan pengganas untuk menyerang Lahad Datu, Sabah. Dihukum dengan hukuman penjara maksima tujuh tahun. Bicara penuh dan hukuman disahkan oleh Mahkamah Rayuan.

A (iv) *PP lwn. Mohd Syafrein Rasid* [2015] 1 LNS 943 - pertuduhan kerana cubaan untuk memberikan sokongan kepada kumpulan pengganas di Syria di bawah s. 130J KK dibaca bersama dengan s. 511 KK. Mengaku salah. Dihukum dua tahun penjara. Rayuan ke Mahkamah Rayuan ditarik balik.

B (v) *PP lwn. Murad Halimuddin Hassan & Yang Lain & Satu Lagi Kes* [2016] 1 LNS 554 - pertuduhan di bawah s. 130G(a) KK kerana memberikan sokongan kepada kumpulan pengganas IS di Syria. Tertuduh pergi berperang di Syria dan telah tercedera. Setelah balik ke Malaysia terlibat dalam merekrut pejuang untuk berjuang bersama pengganas di C Syria, kesalahan di bawah s. 130J KK. Mengaku salah dan dihukum 18 tahun penjara bagi setiap pertuduhan berjalan serentak sejak tarikh ditangkap.

(vi) *PP lwn. Muhammad Sani Mahdi Sahar* [2016] 1 LNS 1150 - pertuduhan di bawah s. 130JB KK kerana memiliki rakaman-rakaman video D memaparkan perlakuan perbuatan kumpulan pengganas. Mengaku salah dan dihukum 18 bulan penjara. Disahkan oleh Mahkamah Rayuan.

(vii) *PP lwn. Mohd Haniffa Syedul Abbar* [2016] 1 LNS 1654 - pertuduhan di bawah s. 130Q KK kerana mengendalikan harta kumpulan E pengganas dan s. 130JB KK kerana memiliki item-item berkaitan unsur dan kumpulan pengganas. Mengaku salah. Pertuduhan pertama sepuluh tahun penjara dan pertuduhan kedua dua tahun penjara, berjalan berasingan. Hukuman disahkan oleh Mahkamah Rayuan.

F (viii) *PP lwn. Jusninawati Abdul Gani* [2016] 1 LNS 1657 - kesalahan gagal memberikan maklumat mengenai perbuatan pengganas di bawah s. 130M KK. Bicara penuh dan dipenjarakan tujuh tahun sejak tarikh ditangkap.

(ix) *PP lwn. Anuar Ab Rawi* [2016] 1 LNS 946 - pertuduhan di bawah G s. 130JB KK kerana memiliki 1 buah buku "Misteri Pasukan Panji Hitam" berkaitan dengan kumpulan pengganas Jema'ah Islamiah (JI) dan Al-Qaeda; dan tujuh keping gambar dalam telefon bimbit berkaitan perbuatan keganasan memenggal leher dan tanda sokongan kepada kumpulan pengganas Islamic State (IS). Responden telah H mengaku salah. Dikenakan hukuman dua tahun penjara sejak tarikh ditangkap;

(x) *PP lwn. Azizi Abdullah* [2017] 1 LNS 562 - pertuduhan di bawah s. 130J kerana memberikan sokongan kepada pertubuhan pengganas, mengaku salah, 13 tahun penjara. Dua pertuduhan bawah I s. 130JB(1)(a) kerana memiliki satu bendera IS, video-video berkaitan dengan IS dan buku-buku berkaitan dengan IS. Mengaku salah, empat

tahun penjara serentak; (b) telefon bimbit mengandungi komen-komen berkaitan IS dalam kumpulan WhatsApp "Gagak Hitam" dan "Amanah vs PAS". Mengaku salah, empat tahun penjara serentak.

(xi) *PP lwn. PP lwn. Muhammad Hakimin Azman* [2017] 1 LNS 1017 - memiliki tujuh imej gambar dalam komputer riba berkaitan dengan kumpulan pengganas IS. Mengaku salah, satu tahun penjara dari tarikh ditangkap.

[67] Setelah mendengar penghujahan pihak-pihak, kami membenarkan rayuan perayu terhadap hukuman. Hukuman lima tahun penjara oleh hakim bicara yang bijaksana diketepikan dan kami gantikan dengan hukuman tiga tahun penjara berkuat kuasa dari tarikh ditangkap (22 Mac 2016).

Konklusi

[68] Atas alasan-alasan yang kami huraikan di atas, kami membenarkan sebahagian rayuan perayu. Rayuan perayu terhadap sabitan ditolak. Sabitan oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan. Kami membenarkan rayuan perayu terhadap hukuman. Hukuman Mahkamah Tinggi lima tahun penjara sejak tarikh ditangkap diketepikan dan digantikan dengan hukuman tiga tahun penjara sejak tarikh ditangkap (22 Mac 2016).